

BERKENAN SERTAI PENANAMAN TERUMBU KARANG



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan bergambar ramai bersama para peserta edisi kedua acara 'Big Blue Hope - Planting Corals, Building Reefs'. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (Lihat muka 3).

■ Oleh : Marlinawaty Hussin

MUARA, Sabtu, 21 Jun. - Ocean Week Brunei sekali lagi mencipta sejarah dalam usaha pemuliharaan marin menerusi edisi kedua acara 'Big Blue Hope - Planting Corals, Building Reefs', yang berjaya

memecahkan rekod kebangsaan bagi penanaman terumbu karang terbanyak dalam masa sehari.

Inisiatif tersebut menyatukan para sukarelawan daripada komuniti penyelam, sektor swasta, rangkaian belia dan agensi kerajaan dalam komitmen bersama

terhadap pemulihan dan kelestarian marin, sekali gus mengukuhkan peranan kepimpinan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam pemuliharaan lautan.

>> Muka 3

Mesyuarat ketengahkan cabaran kanak- kanak, belia tidak bersekolah

■ Siaran Akhbar :
Kementerian Pendidikan

MALAYSIA, Sabtu, 21 Jun. - Mesyuarat Meja Bulat Menteri-menteri Pendidikan ASEAN mengenai Mempercepat Strategi Inovatif : Mengurangkan Cabaran Kanak-kanak dan Belia Tidak Bersekolah (Out of School Children and Youth - OOSCY) dan Mesyuarat Meja Bulat Menteri-menteri Pengajian Tinggi ASEAN : Menggambarkan Dekad yang akan Datang dan Seterusnya bersempena dengan Pengerusi ASEAN-Malaysia 2025, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia telah diadakan bermula 17 hingga 20 Jun 2025 di Langkawi, Malaysia.

Hadir menghadiri dua mesyuarat peringkat Menteri tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Mesyuarat Meja Bulat Menteri-menteri Pendidikan ASEAN mengenai Mempercepat Strategi Inovatif : Mengurangkan Cabaran OOSCY telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Fadhlina Sidek.

>> Muka 6

Manuskrip bukti kegemilangan tamadun, peradaban Islam

■ Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam yang akan membincangkan Khazanah Ummah dan Warisan Peradaban Islam ini tidak syak lagi adalah satu wadah ilmu yang mempunyai kepentingannya tersendiri, kerana ia berkaitan dengan 'turath' atau warisan peninggalan ilmu dan tamadun Islam yang kurang dipelajari dan masih saja tidak banyak dikaji sehingga ke hari ini.

Manuskrip Islam bukan sekadar koleksi tulisan lama, tetapi ia adalah khazanah ilmu yang menjadi bukti kegemilangan tamadun dan keunggulan peradaban Islam dalam

pelbagai bidang dan disiplin ilmu seperti sains, falsafah, politik, hubungan antarabangsa, perubahan, teknologi, seni, pendidikan, sejarah, budaya, dan kesusasteraan.

Manuskrip adalah warisan yang perlu dijaga dan dipelihara kerana maklumat dan ilmu yang terkandung di dalamnya dapat menghubungkan sejarah dan peradaban masa lalu, kini, dan masa depan umat Islam yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk generasi akan datang.

>> Muka 4

Semangat berdisiplin dalam berhijrah

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Tazkirah bertajuk 'Belia dan Hijrah' mengupas hubungan erat antara konsep hijrah dan peranan golongan belia dalam membawa perubahan positif dalam kehidupan peribadi, masyarakat, dan negara.

Disampaikan dalam konteks menyambut tahun baharu 1447 Hijrah, ia menekankan bahawa hijrah bukan hanya perpindahan fizikal, tetapi perubahan jiwa dan amal ke arah yang lebih baik.

Demikian antara perkara yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian semasa menyampaikan tazkirah dari Mushalla Al-Ameen, PDI bagi

acara Munajat anjuran KHEU Kali Ke-187 pada malam ini.

Disertakan dengan ayat Al-Quran dan tafsirnya, tazkirah tersebut menggariskan bahawa mereka yang berhijrah di jalan Allah dijanjikan kemudahan dan kemenangan.

Tazkirah ini juga memberikan tiga panduan utama untuk bersemangat dan berdisiplin dalam berhijrah iaitu Memurnikan niat dan penghambaan kepada Allah; Menyucikan jiwa dengan membuang sifat mazmumah dan menggantikannya dengan mahmudah; Meningkatkan prestasi ibadah dengan khusyuk, ikhlas dan mengikut sunnah.

>> Muka 6



Berita Utama



MESYUARAT perkukuh kerjasama bidang sains, teknologi, inovasi
Muka 7



MENINGKATKAN perkembangan intelektual, moral kanak-kanak
Muka 9



TINGKATKAN keberkesanan langkah membanteras perdagangan orang
Muka 12



TERUS kekalkan mutu layanan pelanggan, kualiti produk
Muka 20

PPNBD 'Selalu Bersedia', menanai, memikul tanggungjawab, berjiwa patriotik

Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh
Bismillah Hir Rahman Nir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du.

ALHAMDULILLAH, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, kita dapat berhimpun pada hari yang penuh bersejarah ini, iaitu Sambutan Ulang Tahun Ke-75 Pengakap Tunas yang diselenggarakan dengan perasmian Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap (PLPP) Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baharu.

Sesungguhnya, pencapaian Sambutan Ulang Tahun ini amatlah bermakna dalam menyemarakkan lagi semangat berpengakap dalam kalangan generasi muda, bahkan juga melambangkan komitmen berterusan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dalam mendukung usaha pembangunan modal insan yang berdisiplin, berintegriti dan berjiwa kebangsaan selaras dengan aspirasi dan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Keberhasilan pencapaian Ulang Tahun Ke-75 ini, pada hemat saya adalah berkat hasil kerjasama dan dedikasi semua pihak dalam sama-sama memperkasa pembangunan sahsiah dan kepimpinan dalam kalangan generasi muda melalui nilai-nilai pengakap sebagai tunjang kepada pembangunan jati diri dan semangat kesukarelawanan dalam masyarakat.

Selaku Ketua Pengakap Negara, saya turut berasa bangga mengikuti perkembangan dan pencapaian PPNBD di sepanjang 75 tahun tertubuhnya pasukan Pengakap Tunas.

lanya jelas mencerminkan usaha gigih semua pihak dalam memperkasakan pergerakan pengakap sebagai wahana pembangunan sahsiah dan kepimpinan bagi barisan generasi pelapis sebagai pewaris bangsa dan negara.

Dalam hal ini, Pengakap Tunas, sebagai asas kepada perjalanan kepengakapan, memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi unggul sejak dari usia dini. Melalui aktiviti-aktiviti yang bersifat mendidik, mencabar dan membina keyakinan diri, ianya telah berjaya melahirkan ahli-ahli muda yang celik nilai, bertanggungjawab serta memiliki semangat sedia berbakti kepada masyarakat dan negara.

Dalam hubungan ini, setinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang telah bekerja keras dengan berbekalkan semangat tinggi dalam usaha menubuhkan PLPP yang akan menjadi landasan penting bagi pengembangan ilmu, kemahiran, serta jati diri ahli-ahli pengakap pelbagai peringkat. Dengan beroperasi sepenuhnya PLPP, saya menaruh keyakinan hasrat Persekutuan Pengakap untuk membangunkan pusat kecemerlangan latihan, kepimpinan dan penyatuan seluruh warga pengakap di negara ini akan dapat dicapai termasuk sumbangan langsungnya ke arah melahirkan masyarakat yang resilien.

Dalam masa yang sama, saya turut menghargai peranan pucuk pimpinan Persekutuan Pengakap termasuk para sukarelawan serta ibu bapa yang tidak mengenal lelah dalam menyumbang bakti, tenaga, dan masa demi memastikan kejayaan dan juga kesinambungan gerakan berpengakap di negara ini.

Seiring dengan semangat 'Selalu Bersedia', saya berkeyakinan nilai-nilai jati diri pengakap akan dapat memacu dan menjana kejayaan dalam kehidupan

seharian termasuk di luar konteks pergerakan pengakap dengan kesiagaan untuk menanai dan memikul tanggungjawab sebagai warga negara yang berjiwa patriotik, berakhlak mulia dan berpandangan jauh.

Pada kesempatan ini, saya juga merakamkan setinggi penghargaan kepada kementerian-kementerian serta agensi-agensi kerajaan, khususnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Kementerian Pendidikan di atas komitmen dan sokongan padu yang berterusan dalam bersama-sama menyumbang kepada usaha-usaha memajukan pergerakan pengakap khususnya dan juga pergerakan pasukan-pasukan kadet beruniform lainnya di negara ini.

Dalam hubungan ini, saya juga gembira mengambil maklum bahawa sebahagian besar Pemimpin Pengakap adalah terdiri daripada kalangan guru-guru. Maka, sokongan bersepadu daripada pihak sekolah dan keseluruhan Kementerian Pendidikan adalah amat signifikan ke arah memperkukuh peranan kepimpinan pasukan Pengakap Tunas sebagai teras kepada kelangsungan keseluruhan gerakan berpengakap di peringkat kebangsaan dan global.

Seterusnya, saya menaruh keyakinan PLPP yang baharu ini, selain akan menjadi mercu tanda bagi kemajuan dan kecemerlangan kegiatan berpengakap, ianya juga akan menjadi Pusat Kecemerlangan yang lengkap dan berupaya melahirkan anggota pengakap yang memiliki jati diri dan mengamalkan nilai-nilai teras persatuan.

Akhir kata dengan mendahulukan kalimah **Bismillah Hir Rahman Nir Rahim**, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam serta bertawakal ke hadirat Allah Subhanahu



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, juga selaku Ketua Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) berkenan mengurniakan sabda pada Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas di Negara Brunei Darussalam dan Perasmian Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap, (PPNBD) bertempat di Pusat Latihan dan Perkhemahan PPNBD Kampung Mata-Mata, Mukim Gadong pada Selasa, 20 Zulhijah 1446 bersamaan 17 Jun 2025.

Wata'ala, saya sukacita merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-75 Pengakap Tunas, dan PLPP NBD.

Sekian, **Wabillahit Taufiq Wal-hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.**

WAKTU SEMBAHYANG										
Jun MASIHI	HARI	Zulhijah HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	ISNIN	26	4.35	4.45	6.10	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
24	SELASA	27	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
25	RABU	28	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
26	KHAMIS	29	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
27	JUMAAT	1 Muharam	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
28	SABTU	2	4.37	4.47	6.11	6.36	12.25	3.51	6.36	7.51
29	AHAD	3	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
34 25 °C	34 26 °C	35 26 °C	
Pekan Bangar			
34 25 °C	34 26 °C	35 26 °C	
Pekan Tutong			
34 25 °C	34 26 °C	35 26 °C	
Kuala Belait			
34 25 °C	34 26 °C	35 26 °C	

Wallahuallam Bissawab
 Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

23 JUN 2025

Musyawarah jalan terbaik capai kesepakatan

MUSYAWARAH atau mesyuarat membawa maksud perundingan dengan pelbagai pihak untuk menyelesaikan masalah atau mencapai permuafakatan dan kesepakatan.

Ia juga merupakan kegiatan perundingan dengan cara bertukar pendapat dari pelbagai pihak mengenai suatu masalah dan kemudian dipertimbangkan dan diputuskan serta diambil yang terbaik demi kemaslahatan bersama.

Bermesyuarat merupakan jalan paling terbaik dalam menentukan hala tuju keputusan sesebuah organisasi secara menyeluruh.

Memang tidak dinafikan, setiap orang mempunyai pendapat berbeza dalam mencapai keputusan atau kesepakatan bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Dalam Islam, kita diajar untuk bermusyawarah dalam membincangkan sesuatu yang memberikan kebaikan kepada semua orang.

Mempunyai pandangan yang berbeza bukanlah jalan untuk memecah belah namun pandangan yang berbeza itu semestinya boleh disesuaikan dengan pandangan-pandangan yang lain demi menuju satu keputusan yang jitu.

Dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala, Surah Ali 'Imran ayat 159 yang bermaksud, "Maka disebabkan rahmat daripada Allah maka kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri daripada sekelilingmu. Kerana itu maafkanlah mereka, mohonkanlah keampunan bagi mereka dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu membubarkan tekad maka bertawakal kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertawakal kepada-Nya."

Musyawarah ini sangat ditekankan dalam Islam kerana ia satu amalan yang mulia dan memberikan jalan yang terbaik.

Dengan jalan bermusyawarah ini, ia melibatkan proses perundingan dan saringan pandangan-pandangan yang berbeza untuk kesepakatan yang terbaik dan memberi manfaat kepada semua orang secara keseluruhannya dan pada masa yang sama memberikan impak yang positif kepada semua.

Akhirnya, kita sebagai umat Islam mestilah bersikap tolak ansur yang tinggi dan amanah dalam menyuarakan pendapat dan pandangan. Bermusyawarah adalah jalan terbaik raih kesepakatan bersama menuju matlamat yang dituju dan disepakati bersama.

– **Ketua Penyuntingan (Kr)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنذیرین برحد، نکارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan sertai penanaman terumbu karang

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



>> Muka 1

Berangkat menyertai acara tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman yang juga Penyelam Penyelamat bersijil.

Berangkat sama ialah anakanda Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang juga selaku Penyelam Penyelamat Peringkat Junior bersjil.

Sebanyak sembilan buah bot daripada Jabatan Perikanan, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), serta Poni Divers berlepas dari Jeti Jabatan Perikanan di Serasa bagi melaksanakan misi penanaman terumbu karang berskala besar itu di Pelong Rocks.

Seramai 67 orang menyertai acara tersebut termasuk 32 orang penyelam dan 18 orang penyelam snorkel, yang berjaya menanam sebanyak 310 terumbu karang, mengatasi rekod tahun lalu iaitu sebanyak 210.

Turut hadir, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Michael Neil Hoy mewakili salah satu penaja utama acara tersebut, yang turut mempelajari kaedah penanaman terumbu - sebagai tindakan bermakna yang mencerminkan sokongan dan semangat Tuan Yang Terutama terhadap usaha pemuliharaan marin tempatan.

Pasukan penyelam, penyelam snorkel dan penanaman terumbu karang yang menyertai usaha berkenaan mewakili pelbagai organisasi termasuk Jabatan Perikanan, JBP, Polis Marin, Pejabat Wawasan Brunei di Jabatan Perdana Menteri, Universiti Brunei Darussalam



(UBD), Reef Check Brunei, Borneo Futures, KARE dan Armada Properties.

Acara tahun ini turut mengulaulankan kehadiran tetamu antarabangsa, Nick LaValle dan Zac McMillan dari Clean Valley CIC (Kanada); serta Dr. Sol Milne dari ARRI (UK), yang juga terlibat sebagai penceramah dalam Persidangan Kelestarian Lautan Ocean Week Brunei dan Persidangan Brunei Darussalam mengenai Hutan ke Terumbu Karang (Forest to Reef).

Dalam satu kenyataan, Ketua Pegawai Eksekutif Poni Divers merangkap Pengasas Poni Foundation, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah menzahirkan penghargaan terhadap pencapaian itu dengan menyatakan bahawa acara tersebut melambangkan tindakan dan kerjasama.

Menurutnya, kejadian memecahkan rekod berkenaan menjadi bukti semangat berpasukan rakyat di negara ini.

"Kami mahu golongan belia dan masyarakat melibatkan diri secara langsung dalam usaha

pemuliharaan lautan, selain memperoleh kemahiran bagi memberi impak pada masa hadapan," katanya.

Terdahulu, para peserta diberikan taklimat ringkas mengenai ekologi terumbu karang dan demonstrasi penanaman terumbu karang.

Para peserta kemudian bergerak ke lokasi di Pelong Rock bagi memulakan misi penanaman terumbu karang menggunakan kaedah praktikal yang mengutamakan kesihatan serta kadar kelangsungan hidup terumbu.

Sebanyak 54 bebola terumbu karang iaitu 50 bebola Terumbu Tiram dan empat bebola Terumbu Lo-Pro telah digunakan sebagai permukaan untuk penanaman terumbu, yang turut menyokong usaha pembangunan terumbu tiruan dan pemulihan perikanan tempatan, dengan matlamat untuk meningkatkan stok ikan dalam masa terdekat.

Melalui program Big Blue Hope, para peserta memperoleh pengalaman praktikal dalam

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman yang juga Penyelamat Penyelamat bersijil berkenan berangkat menyertai acara edisi kedua acara 'Big Blue Hope - Planting Corals, Building Reefs'. Turut berangkat ialah anakanda Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkia binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang juga selaku Penyelamat Penyelamat Peringkat Junior bersijil (kiri sekali dan kiri).

pemuliharaan, di samping menyumbang kepada usaha meningkatkan kesedaran masyarakat dan tindakan terhadap pemeliharaan lautan.

Inisiatif Big Blue Hope bertujuan untuk terus menjadi acara utama dalam Ocean Week Brunei, bagi menonjolkan komitmen berterusan NBD dalam melindungi ekosistem marin serta melabur demi masa depan lautan negara.

Acara dianjurkan oleh Poni Divers dan Poni Foundation dengan kerjasama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, serta ditaja oleh Baiduri Bank, Suruhanjaya Tinggi Australia, Brunei Gas Carriers, Brunei Shell Petroleum, Brunei Shell Marketing, Brunei LNG, Armada Properties, Takaful Brunei, Bank Islam Brunei Darussalam dan Rakan Media, Borneo Bulletin, Media Permata, Kristal Media, Radio Televisyen Brunei, MixMedia serta Rakan Pendidikan Universiti Brunei Darussalam dan International School Brunei, dan Rakan HSE, Kare Clinic.

**Bacaan Doa Akhir,
Awal Tahun Hijrah 1447, 26 Jun ini**

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Bagi memperingati peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah Al-Mukarramah ke Madinah Al-Munawwarah, Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyambut ketibaan Awal Tahun

1447 Hijrah dengan Majlis Bacaan
Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun
Hijrah 1447 Peringkat Negara.

Majlis ini akan diadakan pada Khamis malam Jumaat, 1 Muharam 1447H bersamaan 26 Jun 2025 Masihi di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara mulai pukul 5.00 petang dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiahi, Kampung Kiarong; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait; Masjid Hassanil Bolkiahi, Pekan Tutong dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.

Antara pengisian utama acara adalah bacaan Doa Akhir Tahun Hijrah dan Doa Awal Tahun Hijrah. Majlis dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Tema bagi majlis tahun ini ialah 'Semarak Hijrah Mencapai Kecemerlangan Yang Mampan'. Orang ramai adalah dijemput hadir beramai-ramai ke masjid itu nanti di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat



seluruh negara bagi sama-sama
menyambut ketibaan Awal Tahun
1447H. Semoga kita semua

beroleh keberkatan dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala iya.

MANUSKRIP BUKTI KEGEMILANGAN TAMADUN, PERADABAN ISLAM

BRUNEI
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2025

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara semasa berucap pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam.

>> Muka 1

Perkara itu digariskan oleh Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib semasa berucap pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 bertempat di

Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), pagi tadi.

Menurut Yang Berhormat, memelihara, menjaga dan mengkaji manuskrip-manuskrip ini serta menggali dan menyebarkan ilmu yang terpendam di dalamnya bukan sahaja satu tanggungjawab budaya, malah ia juga merupakan amanah peradaban yang perlu diwariskan kepada generasi akan datang, sebagai usaha untuk menghidupkan kembali identiti dan sejarah kegemilangan umat Islam.

"Usaha seumpama ini adalah sangat penting, kerana para alim ulama dan cendekiawan Islam telah memberikan sumbangan yang besar kepada agama Islam melalui karya-karya ilmiah yang mereka karang dan tulis," teranginya.

Menyentuh mengenai peranan para alim ulama dan cendekiawan Islam pula jelas Yang Berhormat, kita diingatkan oleh sejarah tentang fungsi dan peranan Baitul Hikmah semasa Zaman Keemasan Islam (The Golden Age of Islam) sebagai sebuah pusat penyebaran ilmu pengetahuan yang menjadi tempat

pertemuan para ilmuwan, pusat kajian dan perbincangan, pusat penterjemahan, pusat penelitian dan tempat penerbitan karya ilmiah.

Yang Berhormat menekankan dalam konteks dunia kita hari ini, peranan tersebut sewajarnya dimainkan oleh pusat warisan ilmu seperti BKISHHB dengan kerjasama secara kolektif bersama pusat pengajian tinggi di negara ini serta pusat-pusat penyelidikan di luar negara.

Tambah Yang Berhormat, perkara ini adalah selaras dengan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah pada Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2019 dengan menaruh harapan agar "*Balai Khazanah Islam untuk benar-benar menjadi pusat warisan ilmu Islam, yang mampu untuk menghidupkan budaya ilmu melalui aktiviti-aktiviti keilmuan*".

Yang Berhormat gembira

mengetahui BKISHHB sebagai pusat warisan ilmu Islam yang memainkan peranan proaktif dalam menganjurkan pelbagai aktiviti ilmiah, termasuk persidangan, simposium, bengkel dan program latihan, lebih-lebih lagi secara kerjasama dengan Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Melalui penganjuran aktiviti ilmiah seumpama ini katanya, bukan saja dapat melestarikan warisan ilmu Islam, bahkan mampu menengahkan dan menonjolkan peranan serta sumbangan penting ulama Islam di Zaman Keemasan, dalam membina peradaban dunia dan tamadun manusia sejagat.

Dalam hal itu, Yang Berhormat menekankan kita perlu berpandangan jauh ke depan melihat fungsi dan peranan agensi kebudayaan serta institusi pengajian dan pendidikan yang seharusnya mempunyai tanggungjawab untuk membarigakan dan memberikan kefahaman mengenai kepentingan khazanah warisan

ilmu serta menanamkan minat kepada generasi muda yang ada sekarang.

Satu usaha yang tidak kurang pentingnya jelas Yang Berhormat ialah pendigitalan bahan-bahan koleksi khususnya naskhah manuskrip, ia bukan setakat dapat menjamin keutuhan naskhah manuskrip asli agar sentiasa terjaga dan terpelihara bahkan juga akan dapat membukakan akses kepada para pengkaji dan penyelidik di mana pun mereka berada tanpa mengira sempadan dan batasan, serta kekal dapat diakses dan dimanfaatkan oleh generasi akan datang.

Sebelum mengakhiri ucapan, Yang Berhormat turut mengalu-alukan kehadiran para tetamu, pakar-pakar dan penyelidik serta para peserta bagi menjayakan persidangan tersebut dalam usaha murni untuk memartabatkan manuskrip Islam, selain turut mendoakan agar persidangan berkenaan mencapai kejayaan dan akan menghasilkan cadangan yang membina demi manfaat umat Islam dan manusia sejagat.

Manuskrip Islam sebagai warisan intelektual liputi pelbagai bidang

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Manuskrip Islam memainkan peranan penting dalam menyimpan maklumat-maklumat yang sangat berharga berkaitan dengan warisan intelektual, spiritual, dan budaya umat Islam dari sejak kedatangan agama Islam sehingga ke hari ini.

Melalui teks manuskrip yang kaya dengan isi itu kita boleh dapati di dalamnya hukum-hukum, panduan, nasihat, pendidikan, sejarah, budaya, kesusasteraan, politik, hubungan antarabangsa, perubahan, sains, teknologi dan banyak lagi maklumat dan ilmu yang dapat menghubungkan sejarah dan peradaban masa lalu, kini, dan masa depan umat Islam.

Dalam usaha untuk memperkenalkan dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan manuskrip Islam sebagai jambatan yang menghubungkan warisan intelektual dan budaya dari masa lalu dengan masa hadapan umat Islam, Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 dirasmikan



pagi tadi di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Persidangan dirasmikan oleh Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Penasihat BKISHHB dan juga ahli-ahli Lembaga Penasihat.

Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam yang bertemakan 'Manuskrip Islam: Jambatan Antara Masa Lalu Dan Masa Depan' akan berlangsung selama empat hari bermula hari ini dianjurkan oleh BKISHHB dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Ia juga diadakan bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2025 - Brunei MYCE 2025).

PENGARAH BKISHHB, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 ketika memberi ucapan alu-aluan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dibacakan oleh Pegawai Pemantau Zon 4 Pejabat Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Mohd. Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar dan diteruskan dengan bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran oleh Pegawai Pelajaran, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili, manakala Intisari Ayat dibacakan oleh Mahasiswa Program Sarjana Muda Perguruan Ugama, KUPU SB, Awang Haji Mohammad Hafizuddin bin Mohammad Saidin.

Pengarah BKISHHB, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025, dalam ucapan alu-aluan menyentuh mengenai tema persidangan yang dipilih untuk menonjolkan kepentingan manuskrip Islam sebagai khazanah intelektual dan sumber *premier* serta bukti autentik sumbangan para ilmuwan dan cendekiawan Islam, bukan saja kepada agama Islam, bahkan kepada pembangunan tamadun dan peradaban dunia.

Bercakap mengenai manuskrip Islam katanya, kebanyakan kita akan terbayang bahawa naskhah-naskhah manuskrip Islam hanya akan ditemui di negara-negara Timur Tengah, sedangkan fakta sebenar keberadaan manuskrip-manuskrip Islam yang diketahui setakat ini, ia boleh ditemui hampir di 60 buah negara di seluruh dunia.

Apa yang lebih menarik lagi



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir pada Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025. Turut hadir di persidangan berkenaan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, selaku Pengerusi Lembaga Penasihat BKISHHB.

■ **MANUSKRIP** Islam sebagai jambatan yang menghubungkan warisan intelektual dan budaya dari masa lalu dengan masa hadapan umat Islam.

■ **SALAH** satu kategori Manuskrip Islam adalah manuskrip-manuskrip Jawi yang telah ditulis dan dihasilkan oleh para ulama dan sarjana Melayu Islam yang kebanyakannya telah merantau keluar dari kepulauan Melayu untuk menuntut ilmu agama, khususnya ke Mekah, Madinah dan Mesir.

■ **JUMLAH** bilangan manuskrip Jawi yang berada di luar kepulauan Melayu mungkin saja mencecah 10 ribu naskhah atau lebih.

■ **SETIAP** naskhah manuskrip mengandungi ilmu, kepentingan, nilai dan metodologi yang relevan yang boleh dijadikan panduan dalam menghadapi cabaran di zaman moden ini.

■ **ADALAH** wajar bagi kita berusaha memelihara, mengkaji dan memasyarakatkan manuskrip Islam ini secara berterusan melalui usaha pendigitalan, penterjemahan dan kajian.

tambahnya, salah satu kategori Manuskrip Islam adalah manuskrip-manuskrip Jawi yang telah ditulis dan dihasilkan oleh para ulama dan sarjana Melayu Islam yang

kebanyakannya telah merantau keluar dari kepulauan Melayu untuk menuntut ilmu agama, khususnya ke Mekah, Madinah dan Mesir.

>> Muka 5

Manuskrip Islam sebagai warisan intelektual liputi pelbagai bidang



PROFESOR Program Kesusasteraan Melayu, UBD, Profesor Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah ketika menyampaikan pembentangan Kertas Perdana.

>> Muka 4

“Manuskrip-manuskrip Jawi hasil penulisan ulama-ulama Melayu ini bukan saja setakat berada di Asia Tenggara, bahkan juga turut berada di merata tempat di seluruh dunia, lebih dari 20 buah negara termasuk di Amerika Syarikat, United Kingdom, Republik Persekutuan Jerman, Republik Perancis, Sepanyol, Republik Portugal, Vatikan, Republik Persekutuan Rusia, Republik Arab Mesir, Arab Saudi, Qatar, Emiriah Arab Bersatu, Oman, Yaman, Afrika Selatan, Jepun, Brunei, Malaysia, Republik Indonesia, Republik Singapura, Thailand, Republik Filipina, Kemboja, dan juga Australia,” ujarinya.

Menurutnya lagi, jumlah bilangan manuskrip Jawi yang berada di luar kepulauan Melayu ini bukan sedikit, bahkan mungkin saja mencecah

10 ribu naskhah atau lebih, dan kebanyakannya masih tidak diketahui isi kandungannya kerana belum pernah dibuat inventori apatah lagi dikaji, dan ini sudah setentunya membukakan peluang penyelidikan yang sangat luas bagi mengetahui isi maklumat dan ilmu yang terkandung di dalamnya.

Seterusnya ucapan perasmian yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman, diikuti dengan pembentangan Kertas Perdana bertajuk ‘Manuskrip Islam sebagai Jambatan Intelektual: Warisan Ilmu, Nilai dan Inovasi untuk Tamadun Masa Depan’ disampaikan oleh Profesor Program Kesusasteraan Melayu, UBD, Profesor Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah.

Profesor Ampuan Dr. Haji Ibrahim dalam pembentagannya menyimpulkan bahawa manuskrip Islam merupakan warisan intelektual yang amat berharga bagi tamadun manusia, khususnya dalam konteks dunia Islam dan Nusantara. Ia adalah dokumen konkrit, saksi sejarah perkembangan ilmu pengetahuan dan kebudayaan, dan juga jambatan yang menghubungkan tradisi keilmuan masa lampau dengan aspirasi pembinaan masyarakat berilmu, berakhlak dan progresif pada masa kini dan masa akan datang.

Menurutnya, setiap naskhah manuskrip mengandungi ilmu, kepentingan, nilai dan metodologi yang relevan yang boleh dijadikan panduan dalam menghadapi

cabaran di zaman moden ini.

Walau bagaimanapun tambahnya, di sebalik kekayaan warisan yang tidak ternilai ini, terdapat beberapa cabaran dalam usaha memelihara dan memanfaatkan manuskrip Islam ini sepenuhnya, salah satunya adalah penyebaran dan akses yang terhad, atau dalam keadaan fizikal yang memerlukan pemeliharaan rapi hingga menyukarkan para penyelidik untuk mengkaji dan memanfaatkannya.

Beliau menjelaskan, kekurangan pakar penterjemah dan pengkaji juga turut menjadi penghalang yang signifikan, kerana bahasa dan tulisan lama dalam beberapa manuskrip memerlukan kepakaran tertentu untuk menanganinya seperti mentafsir dan menterjemah.

“Generasi baharu kurang terdedah kepada ilmu dalam bidang ini sehingga mereka kurang berminat untuk menceburinya. Tanpa pakar dan pengkaji, kandungan manuskrip yang masih tersimpan dan belum dikaji tidak akan dapat diketahui, difahami dan disebarkan,” terangnya.

Selain itu jelasnya lagi, pembiayaan dan sumber daya untuk kerja-kerja pendigitalan, pemeliharaan jangka panjang dan pembangunan infrastruktur yang sesuai juga merupakan salah satu cabaran yang masih belum dapat diatasi sepenuhnya kerana ia memerlukan kos yang tinggi dan komitmen berterusan dari segi kewangan dan tenaga manusia.

Tanpa sokongan yang mencukupi jelasnya, usaha kita untuk menyelamatkan dan menyebarkan

khazanah ini akan terjejas, dan kesemua faktor ini berpotensi menjadi penyebab khazanah ilmu yang begitu berharga ini terpinggir, dilupakan dan akhirnya tidak dimanfaatkan secara optimum.

Justeru terang Profesor Ampuan Dr. Haji Ibrahim, adalah wajar bagi kita berusaha memelihara, mengkaji dan memasyarakatkan manuskrip Islam ini secara berterusan melalui usaha pendigitalan, penterjemahan dan kajian, di samping memperluaskan lagi dialog ilmiah antarabangsa yang akan dapat membuka ruang kerjasama dan inovasi.

Dengan langkah-langkah ini katanya, manuskrip Islam dapat terus berfungsi sebagai warisan aktif serta sumber dinamik inspirasi, ilmu, dan nilai yang memacu pembangunan tamadun berteraskan keilmuan, moral dan kemanusiaan sejagat.

Persidangan juga turut

menampilkan penceramah jemputan dari luar negara iaitu, Ketua Bahagian Asia Tenggara, The British Library, Dato’ Dr. Annabel Teh Gallop; Penyelidik Manuskrip, Yayasan Karyawan Malaysia, Dr. Noriah @ Jariah binti Mohamed; dan Pensyarah Fakulti Arkeologi, Fayoum University Kaherah, Dr. Madian Hamed Abdel-Hadi.

Selain itu, para pembentang kertas kerja yang mewakili 19 buah negara termasuk Malaysia, Republik Indonesia, Negara Brunei Darussalam, Arab Saudi, Republik Lebanon, Republik Mauritania, Kesultanan Oman, Yaman, Republik India, Republik Arab Mesir, Libya, Republik Arab Syria, Republik Iraq, Republik Islam Pakistan, Republik Uzbekistan, Republik Türkiye, Republik Rakyat China, Republik Perancis dan United Kingdom juga akan mengongsikan penemuan hasil dari penyelidikan dan kajian mereka.



ANTARA yang hadir di persidangan berkenaan.

MAJLIS RESEPSI MAKAN MALAM RAIKAN JEMPUTAN PERSIDANGAN

BRUNEI
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2025



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi Makan Malam dan seterusnya menyempurnakan penyampaian plak dan sijil kepada pembentang dan moderator bagi Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Dalam meraikan para ucapnama serta jemputan luar dan pembentang-pembentang bagi Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025, Majlis Resepsi Makan Malam diadakan di Ruang Legar, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah (BKISHHB), malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu

Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga selaku Pengerusi Lembaga Penasihat BKISHHB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dibacakan oleh Imam Tingkat I, Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, Awang Muhd. Arif bin Haji Johari disusuli dengan bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran oleh Mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang

Mohammad Syafiq bin Mohammad Suhardi, manakala Intisari Ayat dibacakan oleh Awang Muhammad Nur Nasrullah bin Abdullah Abdul Razak yang merupakan mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad juga selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam dalam ucapannya menjelaskan, kelancaran Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 bukan sahaja hasil daripada kerja keras ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Persidangan, tetapi juga didorong oleh sokongan yang tidak berbelah bahagi serta kerjasama erat daripada rakan-rakan strategi iaitu tiga institusi pengajian tinggi tempatan, Universiti Brunei Darussalam (UBD), UNISSA dan KUPU SB, yang memainkan peranan penting dalam menjayakan penganjuran persidangan tersebut.

Beliau berharap kejayaan

bersama dalam menganjurkan acara penting seperti persidangan tersebut akan menjadi pendorong kepada UBD, UNISSA dan KUPU SB untuk terus memberikan sokongan yang berterusan serta menggalakkan lagi kerjasama erat dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan fungsian dan peranan BKISHHB.

Majlis diteruskan dengan penyampaian plak dan sijil kepada pembentang dan moderator bagi Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam yang bertemakan ‘Manuskrip Islam: Jambatan Antara Masa Lalu Dan Masa Depan’ ini diadakan

bermula 21 hingga 24 Jun 2025.

Ia juga diadakan bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2025 - Brunei MYCE 2025).

Antara objektif Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam diadakan adalah untuk memperkenalkan dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan manuskrip Islam sebagai jambatan yang menghubungkan warisan intelektual dan budaya dari masa lalu dengan masa hadapan umat Islam.

Turut hadir di majlis tersebut ialah ahli-ahli Lembaga Penasihat BKISHHB.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan yang telah diadakan di Ruang Legar, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Semangat berdisiplin dalam berhijrah

>> Muka 1

Turut menyertai Malam Munajat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Malam Munajat kali ini diserikan oleh peserta-peserta Program Akademi Da'wah 5.0 dari Mushalla Al-Ameen, PDI.

Turut serta secara maya ialah ahli jawatankuasa takmir dan jemaah dari beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara serta warga kerja KHEU bersama keluarga dan individu.

Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah oleh Peserta Program Akademi Da'wah 5.0, Awang Mohammad Haziq Nizar bin Ibrahim diikuti dengan bacaan Surah Al-Waqi'ah dipimpin oleh Awangku Muhammad Abdul Majeed Ariffin bin Pengiran Haji Md. Abd.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir secara maya di acara Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-187.

Aziz yang juga Peserta Program Akademi Da'wah 5.0.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pengerusi Badan Sukarelawan Belia Da'ie, dari Mushalla Al-Ameen, PDI, Awang Mohammad Najihuddin bin Nooralizam.

Sejurus selesai tazkirah, diteruskan dengan bacaan Selawat Jibril dipimpin oleh Awang Ahmad Amani Rusyaidi bin Ramli yang merupakan Peserta Program Akademi Da'wah 5.0 disusuli Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Da'ie (SkiPPA), Urus Setia Program Keagamaan Belia, PDI, KHEU dari Mushalla Al-Ameen, PDI, Awang Abdul Mu'iz bin Haji Jahair.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

kerohanian, memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan

dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada

segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap hari Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

MESYUARAT KETENGAHKAN CABARAN KANAK-KANAK, BELIA TIDAK BERSEKOLAH



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir di Mesyuarat Meja Bulat Menteri-menteri Pendidikan ASEAN mengenai Mempercepat Strategi Inovatif : Mengurangkan Cabaran Kanak-kanak dan Belia Tidak Bersekolah (Out of School Children and Youth - OOSCY) dan Mesyuarat Meja Bulat Menteri-menteri Pengajian Tinggi ASEAN : Menggambarkan Dekad yang akan Datang dan Seterusnya yang telah diadakan di Langkawi, Malaysia.

>> Muka 1

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia menekankan keperluan untuk menangani defisit dalam pembelajaran asas, jurang kemahiran, dan pengangguran dalam kalangan belia, di mana ia akan memburukkan lagi cabaran kanak-kanak dan belia yang tidak bersekolah.

Yang Berhormat seterusnya menggariskan komitmen pihak Malaysia bagi menyediakan akses yang saksama kepada pendidikan berkualiti dan peluang untuk semua

golongan muda, terutamanya mereka yang tidak bersekolah, untuk mengambil bahagian secara bermakna dalam masyarakat.

Semasa mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkesempatan untuk mengongsikan mengenai Akta Pendidikan Wajib di mana Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengurangkan umur wajib memasuki sekolah kepada lima tahun. Perubahan penting ini bertujuan untuk menyediakan akses awal bagi kanak-kanak ke sekolah.

Dalam menyokong usaha

ini, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan, khususnya untuk membantu golongan yang memerlukan. Ini adalah termasuk program seperti Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan, yang menyediakan bantuan keperluan persekolahan dan program makanan sekolah, sebagai sebahagian daripada usaha untuk menangani cabaran pendidikan.

Semasa Mesyuarat Meja Bulat Menteri-menteri Pengajian Tinggi ASEAN yang bertemakan 'Menggambarkan Dekad yang akan Datang dan Seterusnya', Yang Berhormat Datuk Dr. Zambray


TAHUKAH AWDA?



APA ITU TENAGA SURIA?

- Tenaga suria adalah salah satu tenaga yang boleh diperbaharui yang dijana oleh matahari.
- Cahaya matahari ditukar kepada tenaga elektrik melalui alat yang dikenali sebagai panel solar fotovoltaik.

Terdapat 3 jenis sistem tenaga suria

ATAS GRID	LUAR GRID	HIBRID
Bersambung dengan grid utiliti.	Bergantung kepada panel solar dan bateri sahaja.	Gabungan sistem penyimpanan tenaga elektrik melalui bateri dengan grid.

TAHUKAH AWDA?

Dengan sistem atas grid, sebarang lebih tenaga elektrik yang awda dihasilkan boleh dieksport kembali ke grid utiliti melalui Program **Net-metering**.

www.energy.gov.bn
renewable.energy@energy.gov.bn
+ 675 2584488 ext 5271

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

Abdul Kadir telah menggariskan antara lain keperluan bagi institusi pengajian tinggi untuk menjadi lebih inklusif, tangkas dan responsif terhadap tuntutan dunia sebenar dalam menghadapi perubahan teknologi dan industri yang pesat, dengan meningkatkan kerjasama antara kerajaan, ahli akademik dan industri untuk mempersiapkan belia dalam menghadapi pekerjaan masa depan dengan membuka laluan yang memupuk ASEAN dengan lebih inovatif dan padu tanpa ada keciciran.

Dalam hal ini, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menekankan komitmen NBD untuk meningkatkan institusi pengajian tinggi agar diiktiraf secara global untuk reputasi akademik, pengiktirafan majikan, kualiti fakulti dan penyelidikan yang berimpak yang menghasilkan

graduan yang siap bekerja dengan kemahiran yang sentiasa berkembang.

Turut hadir semasa mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin dan pegawai - pegawai dari Kementerian Pendidikan.

Sebelum mesyuarat berkenaan diadakan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati telah berkesempatan untuk menghadiri Forum Pendidikan ASEAN pada Rabu, 18 Jun 2025, bagi membincangkan mengenai isu-isu berkaitan maklumat penting, penemuan penyelidikan dan perkongsian amalan terbaik bagi meningkatkan kebolehpasaran pendidikan untuk kanak-kanak dan belia yang terpinggir dan kurang bernasib baik.

MESYUARAT PERKUKUH KERJASAMA BIDANG SAINS, TEKNOLOGI, INOVASI

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi Ke-21 (ASEAN Ministerial Meeting on Science, Technology and Innovation - AMMSTI-21), Jawatankuasa Sains, Teknologi dan Inovasi ASEAN Ke-87 (ASEAN Committee on Science, Technology and Innovation - COSTI-87) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang telah diadakan dari 16 hingga 20 Jun 2025 di Jakarta, Indonesia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Negara Brunei Darussalam (NBD) menunjukkan penglibatan dan penyertaan berterusannya dalam memajukan kerjasama serantau dalam bidang sains, teknologi, dan inovasi dengan menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi Ke-21 (ASEAN Ministerial Meeting on Science, Technology and Innovation - AMMSTI-21), Jawatankuasa Sains, Teknologi dan Inovasi ASEAN Ke-87 (ASEAN Committee on Science, Technology and Innovation - COSTI-87) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang telah diadakan dari 16 hingga 20 Jun 2025 di Jakarta, Indonesia.

Delegasi NBD ke AMMSTI-21, yang diadakan pada 20 Jun 2025, diketuai oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh menteri-menteri, perwakilan peringkat tinggi dari semua 10

negara anggota ASEAN, Timor-Leste, Setiausaha Agung ASEAN dan dipengerusikan oleh Pengerusi Agensi Penyelidikan dan Inovasi Nasional (BRIN), Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Laksana Tri Handoko.

Mesyuarat AMMSTI-21 meluluskan dan melancarkan Pelan Tindakan ASEAN mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi (APASTI) 2026-2035, yang menggambarkan ASEAN yang bersatu, inovatif, bersiap siaga dan berdaya tahan dipacu oleh sains dan teknologi dalam bidang strategik seperti kesihatan, tenaga, makanan dan pertanian, pemindahan teknologi, ekonomi biru, ruang dan mobiliti bakat untuk meningkatkan daya saing serantau. Usaha juga sedang diteruskan untuk menambah baik akses saksama, pembangunan modal insan dan infrastruktur inovasi.

AMMSTI-21 turut mengesahkan laporan COSTI ASEAN Ke-87, yang menggariskan kemajuan Keutamaan Tahunan (AP) 2025 dan Penyerahan Ekonomi Keutamaan (PED) di bawah sektor Sains, Teknologi dan Inovasi.

Ini termasuk, mengintegrasikan Kecerdasan Buatan (AI) ke dalam ASEAN Journal on Science and Technology for Development (AJSTD) untuk Analisis Ilmiah Lanjutan, diketuai oleh NBD; membina Infrastruktur Pengkomputeran Berprestasi Tinggi ASEAN (HPC) untuk membolehkan Penyelidikan dalam Pengkomputeran Lanjutan, diketuai oleh Indonesia; Program ASEAN Technology Startup

Ignite, diketuai oleh Malaysia; meningkatkan Keselamatan Bateri dalam Membolehkan Peralihan Tenaga di ASEAN melalui ASEAN Battery Safety Network, diketuai oleh Singapura; memperkukuh Kerjasama Penyelidikan ASEAN mengenai Keselamatan Nuklear dan Penilaian dan Pengurusan Risiko, diketuai oleh Thailand dan penglibatan Komuniti ASEAN Talent Mobility (ATM), yang diketuai oleh Thailand.

Pada masa yang sama, mesyuarat juga mengesahkan lagi dua cadangan PED untuk 2026, iaitu Rangka Kerja Sains, Teknologi dan Inovasi Serantau mengenai AI untuk Kesihatan; dan Deklarasi ASEAN mengenai Kelestarian Angkasa Lepas (ADSOS).

Dalam menyampaikan kenyataannya, Yang Berhormat mengongsikan bahawa NBD mengalu-alukan pengesahan APASTI 2026-2035 kerana kita juga sedang membangunkan strategi sains, teknologi dan inovasi negara.

Strategi ini akan membantu melakarkan hala tuju jangka panjang kita dengan mengenal pasti bidang tumpuan, mengukuhkan keupayaan negara, dan memastikan ekosistem STI kita memenuhi keperluan domestik dan peluang serantau.

Oleh itu, kita juga akan menyelaraskan keutamaan negara dengan APASTI 2026-2035 untuk memastikan kesepaduan dan saling melengkapi di samping mengiktiraf kepentingan kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan

untuk mencari penyelesaian dan menyokong kemajuan serantau.

Yang Berhormat turut menegaskan kepimpinan NBD dalam menguruskan inisiatif ASEAN Journal on Science and Technology for Development (AJSTD), yang dilaksanakan melalui Universiti Brunei Darussalam (UBD). Usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan keberadaan dan keupayaan jurnal melalui penyepaduan kecerdasan buatan.

Di samping itu, Yang Berhormat mengongsikan bahawa NBD berharap untuk mengendalikan Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ACCC), yang dihoskan oleh NBD. Yang Berhormat juga mengalu-alukan sokongan Negara Anggota ASEAN dan matlamat ACCC memainkan peranan penting dalam memajukan sains berkaitan iklim, menggalakkan kerjasama dan membantu ASEAN bertindak balas terhadap cabaran iklim melalui inovasi dan perkongsian pengetahuan.

AMMSTI-21 didahului oleh Mesyuarat COSTI-87 dan mesyuarat lain yang berkaitan, yang diadakan bermula 16 hingga 19 Jun 2025. NBD diwakili oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, atas kapasitinya sebagai Pengerusi ASEAN COSTI NBD. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Dasar Penyelidikan dan Inovasi, BRIN Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Boediastoeti Ontowirjo.

Suntik semangat keprihatinan belia terhadap golongan kurang bernasib baik

Oleh: Khartini Hamir
Foto: Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Jun. - Sikap pemedulian dalam kalangan belia terhadap golongan kurang bernasib baik terus menyuntik semangat keprihatinan dan disemarakkan melalui penganjuran Program Belia Santuni Anak Yatim 2025, anjuran Kumpulan AJK Tertinggi Belia Masjid Senegara dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid. Program tersebut berlangsung dengan penuh kejayaan dan

membawa makna tersendiri pada hari ini bertempat di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Program yang bertemakan 'Belia Prihatin, Anak Yatim Disayangi' ini menghimpunkan seramai 34 orang anak yatim dari kampung-kampung sekitar termasuk Kampung Menglait, Kampung Gadong, Kampung Bolkiah A dan B, Kampung Perpindahan Mata-Mata, dan Kampung Tanah Jambu dalam satu suasana santai dan

mesra belia.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai yang turut berinteraksi dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim yang diraikan.

Turut hadir ialah Pemangku Ketua Kampung Kiarong, Muhammad Shair bin Haji Samsuddin.

Bermula seawal jam 8.00 pagi, program diisi dengan pelbagai aktiviti santai dan interaktif mengikut peringkat umur, termasuk sesi mewarna bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 8 tahun, aktiviti suai kenal bagi umur 9 hingga 17 tahun, serta sesi 'Mari Bercerita' dan tazkirah pendek yang menyuntik nilai rohani dan moral kepada para peserta.

Sebagai tanda kasih dan keprihatinan, sejumlah BND1,360 sumbangan derma telah berjaya dikumpulkan dan disalurkan kepada anak-anak yatim yang hadir.

Selain daripada itu, program ini turut mendapat tajaan makanan daripada Syarikat Ideal Brunei yang disumbangkan kepada anak-anak yatim sebagai salah satu peluang



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim yang diraikan.

meraikan dan menceriakan mereka.

Ini mencerminkan semangat solidariti masyarakat dalam memupuk budaya saling menyantuni dan membantu golongan yang memerlukan.

Penganjuran program ini bukan sahaja bertujuan meringankan beban anak-anak yatim, malah sebagai platform memperkasakan peranan belia sebagai ejen penyayang dalam masyarakat.

Di samping itu, ia juga menjadi medan mengasah nilai empati, kepimpinan, serta semangat sukarelawan dalam kalangan

generasi muda.

Dengan kejayaan penganjuran tahun ini, pihak penganjur berharap program ini bukan sahaja mampu menghadirkan senyuman di wajah anak-anak yatim yang diraikan, malah turut menyentuh hati dan menggerakkan jiwa para belia di luar sana untuk terus menyalakan semangat kepedulian serta menyemai rasa tanggungjawab membantu golongan yang memerlukan.

Semoga usaha kecil ini menjadi inspirasi besar dalam membina masyarakat yang lebih penyayang dan prihatin.



ANTARA anak-anak yatim terpilih yang hadir di majlis tersebut yang telah diadakan di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

NBD MEMILIKI KOLEKSI MONUMEN ISLAM TERKAYA, TERAWAL DI ASIA TENGGARA



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada hari kedua Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 yang berlangsung di Dewan Auditorium Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Jun. - Hari kedua Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 memperdengarkan sebuah pembentangan bertajuk 'Islamic Writing Traditions of Brunei Darussalam : On Stone, Metal and Paper'.

Pembentangan berkenaan disampaikan oleh Ketua Bahagian

Asia Tenggara, The British Library, London, Yang Berbahagia Dato' Dr. Annabel Teh Gallop, di Dewan Auditorium Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada sesi pembentangan berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Dalam pembentangannya, Yang Berbahagia Dato' Dr. Annabel Teh Gallop antara lain menerangkan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan salah satu negeri yang paling menarik dalam dunia Melayu.

NBD tambahnya, memiliki salah satu koleksi monumen Islam terkaya dan terawal di Asia Tenggara.

Menurutnya lagi, bukti terawal penulisan Islam di NBD terdapat pada batu nisan di mana batu nisan NBD merupakan contoh inskripsi bahasa Melayu tertua dalam tulisan Arab di seluruh Asia Tenggara, sekali gus ia merupakan sumber unik yang bernilai untuk kajian awal bahasa Melayu dalam tulisan Jawi.

Selain itu jelasnya, manuskrip kertas tertua dari NBD ialah daripada Sultan Brunei kepada Kerajaan Sepanyol di Manila.

Pada penghujung abad ke-19 pula tambahnya, menyaksikan kemunculan barangan tembaga dengan tulisan Jawi yang merupakan gantang rasmi yang dikeluarkan oleh Kerajaan NBD.

Selepas pembentangan berkenaan, para peserta juga berpeluang menyertai sesi soal jawab bersama Yang Berbahagia Dato' Dr. Annabel Teh Gallop.

Yang Berbahagia Dato' Dr. Annabel Teh Gallop dilahirkan di Winchester pada 5 Ogos 1961 dan dibesarkan di NBD. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang Matematik dari University of Bristol (1982), diikuti dengan Ijazah Sarjana dengan kepujian tinggi dalam Pengajian Indonesia dan Melayu dari School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London (1985).

Beliau kini menjawat jawatan sebagai Ketua Kurator, Bahagian Asia Tenggara di British Library, London dan merupakan pakar terkemuka dalam bidang manuskrip Melayu, cap mohor Islam, serta

BRUNEI MYCE 2025
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION

budaya material dunia Islam di Asia Tenggara.

Sejak 1986, beliau berkhidmat di British Library dan bertanggungjawab dalam menyelenggara koleksi Asia Tenggara yang tersohor di peringkat antarabangsa.

Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 bertemakan 'Manuskrip Islam : Jambatan Antara Masa Lalu dan Masa Depan' diadakan dari 21 hingga 24 Jun 2025 dan dianjurkan oleh BKISHHB dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Ia juga diadakan bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2025 (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2025 - Brunei MYCE 2025).

Persidangan berkenaan antara lain diadakan adalah untuk memperkenalkan dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan manuskrip Islam sebagai jambatan yang menghubungkan warisan intelektual dan budaya dari masa lalu dengan masa hadapan umat Islam.

Memartabatkan bahasa Melayu melalui budaya, pandangan hidup



PENGKAJI Naskhah, Yayasan Karyawan Malaysia, Dr. Noriah @ Jariah binti Mohamed semasa menyampaikan pembentangan bertajuk 'Manuskrip Nusantara (Adi Karya)'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Jun. - Bahasa Melayu semakin kukuh selepas kedatangan Islam, dengan pelbagai institusi memartabatkan bahasa berkenaan melalui karya-karya bernas tentang budaya dan pandangan hidup Melayu.

Pengkaji Naskhah, Yayasan Karyawan Malaysia, Dr. Noriah @ Jariah binti Mohamed seterusnya menjelaskan, karya agung Melayu ditulis dalam bahasa Melayu, termasuk dialek Semenanjung dan daerah Nusantara seperti Sumatra, Sulawesi, Kalimantan, Sumbawa dan Lombok.

"Ia menggunakan tulisan Jawi dan merangkumi bidang pemikiran, falsafah serta pandangan hidup yang diwarisi turun-temurun.

"Karya ini merupakan warisan

budaya besar bangsa Melayu," ujarnya semasa menyampaikan pembentangan bertajuk 'Manuskrip Nusantara (Adi Karya)' pada Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 yang berlangsung di Dewan Auditorium Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), petang tadi.

Menurutnya lagi, setiap karya agung mempunyai ciri-ciri khusus sebagai garis pemisah untuk membuktikan sesebuah karya berkenaan benar-benar agung kerana setiap karya penulisan tidak lepas daripada mempamerkan pemikiran budaya sesuatu bangsa yang dilahirkan oleh pengarangnya.

Sealir dengan inilah beberapa ciri disediakan tambahnya, iaitu lambang dan pesanan yang hendak disampaikan, nilai budaya dan pandangan hidup, nilai ilmu, teknik kepengarangan, dan seni bahasa.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang), Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Abdul Muhaimin bin Dr. Haji Serbini.

Para peserta juga berpeluang untuk bertanya soalan selepas pembentangan dalam sesi soal jawab bersama Dr. Noriah @ Jariah.

Dr. Noriah @ Jariah dilahirkan pada 20 Januari 1944 di Sabak Bernam, Selangor. Beliau memulakan kerjaya sebagai guru sebelum melanjutkan pengajian

ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan memperoleh Ijazah Sarjana dalam bidang Persuratan Melayu.

Seterusnya, beliau menyambung pengajian ke peringkat Doktor Falsafah di Universiti Malaya dan menamatkannya pada 1991. Sepanjang kerjayanya, beliau pernah berkhidmat sebagai Pensyarah dan Profesor di UKM, termasuk sebagai Felo Penyelidik Utama di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), serta pernah menjadi pensyarah jempitan di pelbagai institusi antarabangsa seperti Universiti Moscow, Universitas Negeri Riau, dan Institut Ibn Sina di Mauritius.

Sebagai Pengkaji Karya Agung di Yayasan Karyawan Malaysia, Dr. Noriah @ Jariah merupakan seorang sarjana prolifik dalam bidang Kesusasteraan Melayu Tradisional dan Kesusasteraan Jawa, dengan lebih daripada 30 penerbitan ilmiah yang merangkumi buku, artikel jurnal serta CD interaktif.

Beliau juga aktif membentang kertas kerja dan menyampaikan kuliah umum di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di samping sering dijemput sebagai ahli panel penasihat, kolumnis, dan pengkaji karya agung serta terlibat dalam pelbagai projek budaya dan warisan Nusantara.

Atas sumbangannya yang besar kepada dunia akademik dan pemeliharaan khazanah budaya, beliau telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan termasuk Medal Kridha Budaya, Medal Pushkin dari Universiti



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Moscow, dan beberapa Anugerah Sastera Perdana.

Sementara itu, Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 yang bertemakan 'Manuskrip Islam : Jambatan Antara Masa Lalu dan Masa Depan' diadakan bermula 21 hingga 24 Jun 2025 dan dianjurkan oleh BKISHHB dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Ia juga diadakan bersempena

dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2025 (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2025 - Brunei MYCE 2025).

Antara objektif Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 berkenaan diadakan adalah untuk memperkenalkan dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan manuskrip Islam sebagai jambatan yang menghubungkan warisan intelektual dan budaya dari masa lalu dengan masa hadapan umat Islam.



13 PEGAWAI PEJABAT URUSAN JEMAAH HAJI TIBA DI NBD



YANG Mulia Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama hadir mengalu-alukan ketibaan jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (kanan). Manakala gambar atas, Doa Selamat dibacakan oleh Guru Ugama, Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD bagi Musim Haji 1446H / 2025M, Awang Haji 'Abdul Mu'iz bin Haji Amat.

BERAKAS, Sabtu, 21 Jun. - Seramai 13 Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) (Pentadbiran dan Perubatan) bagi Musim Haji 1446 Hijrah / 2025 Masihi terdiri daripada lima Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Pentadbiran) dan lapan Pegawai

Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan) telah selamat pulang ke tanah air pada pukul 6.20 petang tadi.

Rombongan yang diketuai oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali selaku Ketua

Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran) telah bertolak ke Kerajaan Arab Saudi pada 3 Mei 2025 yang lalu bagi membuat persiapan - persiapan awal bersama pihak-pihak berkenaan di Kerajaan Arab Saudi mengenai pengurusan hal ehwal haji sebelum

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



ketibaan jemaah haji NBD ke Tanah Suci.

Hadir mengalu-alukan ketibaan jemaah haji NBD di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian

Kesihatan, Pengiran Haji Mohammad Khairuddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji dan para pegawai kanan KHEU.

Doa Selamat dibacakan oleh Guru Ugama, Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD bagi Musim Haji 1446H / 2025M, Awang Haji 'Abdul Mu'iz bin Haji Amat.

Meningkatkan perkembangan intelektual, moral kanak-kanak



YANG Mulia Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 yang berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Peserta Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 berpeluang mengikuti sebuah pembentangan bertajuk 'Manuskrip dan Peranannya dalam Meningkatkan Perkembangan Intelektual dan Moral Kanak-

Kanak'. Pembentangan tersebut disampaikan oleh Pengarah, Dar al-Nasa'im li Nashri wa Tauzi, Jeddah, Dr. Nezar Mahmud Kasem Alsheikh, berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dibacakan oleh Pegawai Pemantau, Pejabat Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Saufi bin Haji Suhaini.

Dr. Nezar Mahmud Kasem Alsheikh dalam kertas kerjanya antara lain membentangkan, penjagaan dan pendidikan kanak-kanak adalah salah satu keutamaan terbesar dalam agama, kerana ia membawa manfaat besar terhadap rohani dan budaya.

Topik yang dipilih menurutnya, adalah salah satu topik yang inovatif dalam dunia kanak-kanak dan pendidikan mereka.

Kertas kerja tersebut turut membincangkan mengenai meningkatkan kesedaran kanak-kanak tentang kepentingan manuskrip Islam untuk mencapai anjakan warisan intelektual dan budaya daripada masa lalu yang gemilang kepada masa depan yang cerah; menggalakkan kanak-kanak memahami naskhah Islam agar dapat menjadi pembimbing masa depan mereka; kanak-kanak mendapat manfaat daripada nilai dan ajaran yang terdapat dalam manuskrip Islam untuk menangani perkembangan sahsiah kanak-kanak; dan memotivasikan kanak-kanak supaya berminat meneliti manuskrip Islam agar menjadi pelita ilmu dan sumber akhlak.

Para peserta juga berpeluang untuk bertanya soalan selepas pembentangan dalam sesi soal jawab bersama Dr. Nezar Mahmud Kasem Alsheikh.

Sementara itu, Dr. Nezar Mahmud Kasem Alsheikh ialah seorang penyelidik unggul dalam bidang Sirah Nabawiyah, beliau telah menghasilkan lebih 30 penerbitan berkaitan sejarah kehidupan Nabi Muhammad

Sallallahu Alaihi Wasallam dengan pendekatan gabungan antara penyelidikan ilmiah dan praktikal.

Beliau juga aktif menyertai persidangan dalam bidang fiqh, kehakiman syarie dan dakwah, serta membangunkan pameran dan inisiatif digital berkaitan sirah.

Beliau merupakan tokoh pertama yang memperkenalkan penggunaan pautan digital dalam penyebaran ilmu sirah. Selain itu, beliau juga memiliki kepakaran dalam penggunaan teknologi komputer untuk tujuan penulisan akademik dan pendidikan, serta memiliki beberapa sijil antarabangsa dalam bidang teknologi maklumat.

Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam yang bertemakan 'Manuskrip Islam: Jambatan Antara Masa Lalu Dan Masa Depan' ini diadakan bermula 21 hingga 24 Jun 2025 dan dianjurkan oleh BKISHHB dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Universiti Brunei Darussalam dan Kolej Perguruan Ugama Seri Begawan. Ia juga diadakan bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2025 - Brunei MYCE 2025).

Di antara objektif Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam ini diadakan adalah untuk memperkenalkan dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan manuskrip Islam sebagai jambatan yang menghubungkan warisan intelektual dan budaya dari masa lalu dengan masa hadapan umat Islam.

سرور لاهوری

سینر منوجو کقولیہن

جماعه يفر در حقيقه الله،

برتقوی له کیت کحصرة الله سُبحانه و تعالیٰ دغن منیغکنکن کلیمان کفدان.
مسغکوهن اورغ بغ فالیغ ملیا دسیسی الله سُبحانه و تعالیٰ ایت ایاله اورغ بغ فالیغ
برتقوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان بغ سننیاس مغایغی الله
سُبحانه و تعالیٰ، براوله کجیان دان کسلامن دنیا دان جوک داخیره.

فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة النحل آية ٧٨:

تفسیر:

دان الله مغلوارکن کامو دري فروت ایبو کامو دالم کادان تیدق
مغتهوي سسواتو اف فون دان دي مغورنیاکن کقد کامو فندغرن دان فغلیهین
سرت هاتی (عقل فیکین) سوفاي کامو برشکور.

جماعه یغ در حقیقت الله،

الله سبحانه وتعالى منجيتنا من مائسي این دغن سبایک-بابک کجادین دغن
مغورنیاکن عقل دان فیکړن سوځای دافت منجالي کېدون ددنیا این دغن
سمورنا دان تراؤور. اسلام اُمت منیتیقترکن ښکاراؤ عقل یغ مروفاکن
انوکړه الله سبحانه وتعالى یغ تېدق بولیه دفرسیا-سیاکن.

سسوځکو هن عقل ډرلو دسوپورکن دغن علمو فغتهوان. تنائي عقل يغ
دايسي دغن علمو فغتهوان ساج تيدق منجوکړي تنقا دغدو دغن کشفوان،
کران کشفوان سهاج يغ دافت مغهالغ مانسي دري پهاگکړناکن علمو يغ اد
فدن کجالن يغ مهابا کييسنان.

دالم اسلام، قرآن عقل ايت ساعت قتيغ، کران اينله اسلام مغهرامکن
سکل ثرکارا یغ بولیه معکثکوارا مروسقن فوغسی عقل. این ترماسوقله
مینوم أرق دان سکل بندا یغ مابوقکن. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اَرْفَعُهُ
أیه ۹۰:

تفسیر:

واهاي اورغ-اورغ يڭ بريتان! سسوغكوهن ارق، جودي، قوموجان
برهالا، دان موعندي تسيب دغن آق فانه ايت اداله (قربواتن) كجي درقد
قربواتن شيطان. مك هندقله كامو منجاوهين سوقي كامو برأوليە كمناغن
(دان كبرأوتوغن).

جماعه يعثر در حقه الله،

سلاين درفد مینوم ارق، مپاهگوناکن داده جوک بولیه مروسقن عقل
 فیکین بهکن بولیه مپاوا موت. سسوغوھن ستیاف یغ مپاوکن، مغحیلکن
 اتاو مغھیلگن عقل فیکین ایت اداله حرام. درفد ابن عمر رضی اللہ عنہما، بهاوا
 رسول اللہ صلی اللہ علیہ وسلم برسیدا: **كُلُّ مُسْكِرٍ حَرَمٌ، وَكُلُّ حَرَمٍ حَرَامٌ.**

مقصودن:

ستیفایغ مابوقکن اداله ارق دان ستیفایغ مابوقکن حکومن اداله
حرام. {حدیث روایة امام مسلم}

نامون اف یغ مندوکاجیتاکن، تردافت سکلیتتیر اورغ دغن سغاج میاهکونانکن داده. فرکارا این تیدق سقانون برلاکو کران معلومت تنتغ کیوروغن دان کمضارتن فیاهکونان داده سوده دسیبرکن اتاو دور-ورکن اولیه فیقح برکواس ملالوئی مدیا مسآ، ملالوئی جرامه، تعلیمت، جرایاوارا دان سآومقامان سبکای لئکه فئجکهن.

کھویله، بھاوا فہلھکونان دادہ بولیہ مہیہکن اورغ یغ ملاکوکن ایت
لوقا دیری، لوقا اکام دان لوقا دنیا کران ای مہری کسن بوروق کقد عقل،
ملمھکن فیکرن دان کچرداسن، مشعکیتکن فیکیت اورت سارف سرت بولیہ
مغکغکو کصیحتن مینتل دان فیزیکل. مک جلس بھاوا مپالھکونان دادہ این
ادالہ فرووان سغاج منجمققن دیری کدالم کینسان. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى
دالم سورة البقرة آية ۱۹۵:

تفسیر :ۛ

دان بلنجاکنله (هرتا یغ اذ قد کامو) قد جالن الله دان جاغنه کامو
سقاچ منجر و موسکن دیری کامو سنډیری کدالم کینسان. دان بریوات بایکله
کامو کران سسوغکهن الله میوکیای اورغ- اورغ یغ بریوات کیایکن.

جماعه يعثر رحمته الله،

فېالھگونان داده اداله موسوه پات کفد نکارا، مشارکت، دان اکام، اي بوکن سهاج مروسقن فیزیکل دان میتل، ماله مغنجنورکن مرواه، مغنیریت کلوارک کدالم فئدریتان، دان مقهورق-فرانداکن مشارکت.

سلاين ايت، قپاھكونان داده جوڭ بوليه مغعكيتكن منيعكن قزلاكون
جنايه دالم مشاركت سقرتي منجوري، مرومق، قرس اوكون، منجدركن
اورغ لاین دان ممونوه. اوليه يغ دمکن، جلسله بهاوا کتاکيھن داده بوليه
مماوا کفد مسئله مينتل يغ مغعكيتكن بکس فغكونا داده هيلغ کسپايغن دان
کاؤفایان اونتوق برفيکیر سجارا نورمل.

جماعه يعر درمستی الله،

دالم کا دامن کجلا فہالگو نوان دادہ تروس برلاکو دان مہری کمن بوروق کشد مشارکہ، کرجان تنف تیدق ملقسکن تگکو غوجوابن. کرجان تلہ بمبجاکن سجوملہ بسر فراوتوقکن کواغن باکی مناعی کجلا فہالگو نوان دادہ. این ترماسوق قیدیان فوست راوتن دان فمولیہن باکی مہنتو مولیہکن بکس فغکونا دادہ. فلباکای فندکن فمولیہن دان جوک فروگرام-فروگرام دسدیاکن کشد مریک باکی مہنتو دان منوجوقکن قاعدہ-قاعدہ کشد مریک اونتوق مہیندرکن دیری دري تروس برکنتوغ کشد اکتیویٹی مہالگو ناکن دادہ. دالم فروسیس منوجو کفولیہن، فلباکای اسقیک قولو دہریکن فرہاتین، داناران موقوق کیقینن دان جاتی دیری سرت ہالا توجو دان کومیتمن اونتوق میوات فروویہن کارہ کھیدوقن یغ فوستیف. این کران فمولیہن بوکنلہ ساتو فروسیس یغ مودہ. ای ممرلوکن کقواتن دالمن، بیمیغن دان سوکوغن لواران تراوتامن درقد کلوارک دان مشارکت.

راماي پکس قفقونا داده سینرن ایغین بروهه دان کمبالي مېومېغ کفقد
مشارکت، اکن تنافي مریک ترسکت اولیه فراسغکا، قنداغن سیروغ دان
دیسکریمیناسی سهیشک مریک سوکر مندافت فکرچان. مریک دکشفیکن دالم
قروکرام سوسیال. اد یغ دجاوهی اولیه مشارکت سندیری، بوکن کران
مریک جاهت، تنافي کران ماس سلیم مریک. سباکای مشارک یغ قریهاتین،
جاغقله بیارکن مریک تنفا سوکوغن دان بنتوان. بنتو مریک مقربایکی دیری
دان کمبالي کجالن یغ دریضای الله سُبْحَانَهُ وَعَازِلُهُ. سسوغکوهن دالم کالغن
مریک یغ تله إنساف، اُمت میسالی دان مفاکوی هیدوف مریک تله هنجور
ستله ترلیت دغن فُباهکونان داده. اولیه ایت، مریک برحق دبری فلوغ اکر
دافت کمبالي منجادی اُغکوتا مشارک یغ برکونا. برفرمان الله سُبْحَانَهُ وَعَازِلُهُ دالم
سورة آل عمران آیه ۱۳۵:

تفسیر ن:

دان اورغ-اورغ يغ اقبيل ملاكوكن قربواتن كجي اتاو مغانياي ديرې
مريك سنديري، مريك سكر اښت كښد الله لالو موهون امقون ترهاف
دوسا-دوسا مريك. دان سميعغن تيدق اد سسياف يغ دافت مغامقونكن
دوسا-دوسا سلاين الله. دان مريك جوك تيدق منروسكن قربواتن كجي يغ
مريك تله لاکوكن ايت سدغ مريك معنهي (عقيبتن).

جماعہ یثرب در حقہ اللہ،

الحمد لله، تردافت جوڳ فيهيڙ ترنتو، ترماسوقله دري سيڪٽور عوام دان سواستا يڻ ميريڪن سوڪوڻن دان ڪفر جيئن ترهاف ميريڪ يڻ ماسيه دالم فروسيس ڦوليهن اين دڻن ميريڪن ميريڪ ڦڪر جان يڻ برسواين تنفا مغيرا لائر بلاڪڻ ميريڪ، دسمڻيڻ ايت جوڳ مڻبنو ميريڪن سماغت ڪڦوليهن دان موٽيوا سي اڪر ميريڪ دافت منروسڪن ڪهيدوڻن يڻ ليهه سڻقورنا.

باځي بکس مځکونډا داده يځ نله څوليه دان ديريکن څلواغ دان کشرجايان
ترسپوت، مريک هندقله مځکونکښ دغن سبايک-بايکن دان سجارا برتروسن
مغممالکن جارا هيدوف يځ صيحت دان تيدق برکننوڅ دغن هان منداڅکن
څرتولوڅ اورغ لاین. مريک هندقله برديکاري اونوق منداڅکن رزقي يځ
حلال دان دريضاى الله سُبْحَانَهُوَعَالَى.

ماريله سام-سام کيت مليندوغي دان مليهارا ديرې کيت، کلوارک دان مشارکت درې دقغاروې اوليه داده اکر کهيدونډ لبيه هرموني دان سجهترا. دالم اوسها مبنوس کجلا اين، ماريله کيت دمبو ثريشکت مشارکت سام-سام منيغکنکن کوميتن، کسوغکوهن دان کفرجيان سقنوهن دمي متجاني اوبيجکيتف مناعن ايسو فهاهکونان داده دنکارا بروني دارالسلام.

اف یغ لبیه فتنیغ ایاله دغن مفکریتیقن دان مغممالکن اجرن اسلام یغ سبئر، یایت منطاعی فریتنه دان حکوم الله ﷻ سرت منجاوهی سکل لارغن. کیت ستموا جوک هندقله مغممالکن امر معروف هئ موغکر، یایت مپوره برروات کبایکن دان تیدق جامه مات اوتوق منکور دان منجکه قربوان موغکر یغ برلاکو دهادفن مات کیت سندیری.

آخېرنه، سام-سام له کيټ مېرې سوکوڅن دان منجاوهگن دېرې دان کتورون کيټ درفد بهاي ښاهکونان داده دان اف جوک فرکارا يځ دحرامکن اوليه الله شېخه و تعالى. ماريله کيټ بردعاه اکر الله شېخه و تعالى مېرې کفواتن کشف سودارا-سودارا کيټ يځ سداغ ملالووي فروسيس ځموليېن. آمين يا رب العالمين.

تفسیر ن:

دان ھنڦله اڌ اتارا کامو سڳولوڻ اُومت يڻ مېرو کڦڊ کڄاڇين
(کڄايکن) دان مپوروھ (بربوات) يڻ معروڦ سرت ملارڻ درڦڊ يڻ موڱر.
دان مريک ابتله اورڻ-اورڻ يڻ مندافت کمنانڻ.
{ سورة آل عمران آية: ۱۰۴ }

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا يَا أَوْثَقُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاتَ النَّاسِينَ.

367 KILOGRAM SAMPAH BERJAYA DIKUMPUL

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait



SUASANA pada Kempen kebersihan di bawah Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan (JIIK) yang diadakan di Pantai Lumut, Mukim Liang.

KUALA BELAIT, Ahad, 22 Jun. - Kempen kebersihan di bawah Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan (JIIK) diadakan hari ini bertempat di Pantai Lumut, Mukim Liang.

Sebagai salah satu inisiatif dan usaha jabatan dalam menjaga kebersihan dan keselamatan orang awam, kempen ini memfokuskan pada sampah sarap, rumput-rumput panjang yang terbiar, longkang-longkang

yang kotor dan tersumbat dan pokok-pokok yang perlu ditebang. Kempen kebersihan ini dikendalikan oleh Jabatan Daerah Belait yang diketuai oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidz bin Haji Muhammad.

Ikut serta dalam kempen tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di Daerah

Belait, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Sebanyak 367 kilogram sampah berjaya dikumpul semasa kempen tersebut.

Orang ramai juga adalah dinasihatkan untuk sama-sama menjaga kebersihan bukan saja di tempat-tempat awam tetapi juga di kediaman masing-masing.

Sesiapa yang didapati melakukan kesalahan membuang sampah dan kotoran di tempat awam boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian Pindaan 2021 Penggal 30 iaitu mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah bab ini, jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang BND1,000 dan tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang BND3,000 dan tidak melebihi BND9,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Manakala badan-badan korporat yang melakukan kesalahan pertama di bawah bab ini boleh dikenakan hukuman



denda tidak kurang dari BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan Jabatan Daerah Belait akan berterusan untuk memastikan penguatkuasaan Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian Pindaan 2021 Penggal 30 sentiasa dipatuhi oleh individu dan syarikat-syarikat

dari masa ke masa.

Unit Penguatkuasaan Jabatan Daerah Belait juga ingin mengingatkan kepada mana-mana individu dan badan-badan korporat untuk sama-sama menjaga kebersihan dan untuk tidak membuang sampah di mana-mana tempat awam dan mana-mana akses bangunan tempat laluan orang awam dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan penguatkuasaan jika didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian Pindaan 2021 Penggal 30.

Perasmian papan tanda Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Panchor



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Azmah Haji Ahad

MUKIM MENTIRI, Sabtu, 21 Jun. - Papan tanda Ketua Kampung Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mukim Mentiri bagi Haji Awang Muhammad Eddie Hardey bin Haji Awang Ibrahim sempurna dirasmikan hari ini.

Perasmian yang berlangsung di kediamannya, di sini, disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan

Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok serta para Ketua Kampung dan Pemangku Ketua Kampung di bawah Mukim Mentiri dan Ahli Majlis Perundingan Kampung berkenaan.

Sejurus perasmian, Doa



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara semasa menyempurnakan perasmian papan tanda Ketua Kampung Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor (kiri). Manakala gambar atas, turut hadir di perasmian berkenaan, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampung Subok.

Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, Awang Saifullah bin Rosli.

Haji Awang Muhammad Eddie Hardey mula berkhidmat

sebagai Pemangku Ketua Kampung berkenaan pada 9 Januari 2022 sehingga ditetapkan jawatannya selaku Ketua Kampung pada 23 September pada tahun yang sama setelah

ia diperkenankan.

Adapun penduduk di bawah tadahan beliau berjumlah seramai 2,160 orang yang meliputi Jalan Tanjung Selasih dan Jalan Tanjung Kudus RPN berkenaan.

TINGKATKAN KEBERKESANAN LANGKAH MEMBANTERAS PEMERDAGANGAN ORANG



PENOLONG Pesuruhjaya Polis (ACP) Haji Azree bin Haji Abd. Manaf selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja bagi Anti-Pemerdagangan Orang bersama pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) semasa menghadiri 'ASEAN Guideline on the Implementation of the Non-Punishment Principle for Protection of Victims Trafficking in Persons' (ASEAN Non-Punishment Guideline) berlangsung bermula 2 hingga 3 Jun 2025 di Jakarta, Republik Indonesia (atas dan atas kanan).

JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Sabtu, 21 Jun. - Delegasi dari Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diketuai oleh Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP) Haji Azree bin Haji Abd. Manaf selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja bagi Anti-Pemerdagangan Orang disertai

oleh pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah menghadiri pelancaran garis panduan 'ASEAN Guideline on the Implementation of the Non-Punishment Principle for Protection of Victims Trafficking in Persons'

(ASEAN Non-Punishment Guideline) berlangsung bermula 2 hingga 3 Jun 2025 di Jakarta, Republik Indonesia.

Garis panduan ini menandakan satu kemajuan penting dalam komitmen kolektif ASEAN untuk melindungi hak-hak mangsa serta meningkatkan keberkesanan



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

langkah - langkah membanteras pemerdagangan orang di seluruh rantau ASEAN.

Inisiatif ini merupakan hasil kerjasama antara ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR) dan ASEAN Senior Official Meeting on Transnational Crime (SOMTC).

Ini mencerminkan dedikasi Negara-negara ASEAN terhadap prinsip-prinsip yang digariskan dalam Artikel 14, Konvensyen ASEAN (ASEAN Convention Against Trafficking in Persons, Especially Women and Children - ACTIP), di samping memperkukuhkan rangka

kerja dalam ASEAN Multi-Sectoral Work Plan Against Trafficking in Persons (Bohol Work Plan 2.0).

NBD telah melaksanakan kesemua 15 garis panduan di dalam ASEAN Non-Punishment Guideline, menunjukkan komitmen negara dalam mengintegrasikan prinsip ini.

Pelancaran tersebut turut diteruskan dengan dua hari sesi perbincangan mengenai strategi dan pelaksanaan garis panduan tersebut. Selain itu, mengenal pasti beberapa aktiviti berpotensi untuk dilaksanakan di peringkat rantau ini dalam melaksanakan garis panduan tersebut.

80 peserta terima Sijil Latihan Asas Keselamatan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perikanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menganjurkan Latihan Asas Keselamatan atau 'Basic Safety Training' (BST) khusus kepada pemilik kapal dan krew kapal penangkapan ikan tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam serta pegawai dan kakitangan Jabatan Perikanan.

Latihan Asas Keselamatan diadakan bermula pada hari Rabu, 11 Jun 2025 hingga hari Rabu, 18 Jun 2025 bertempat di Dewan Nur Huda, Jabatan Perikanan dan Jeti Kompleks Pendaratan Ikan, Muara.

Kursus ini telah dikendalikan oleh dua orang tenaga pengajar daripada Syarikat Goldenaire.

Di antara objektif latihan ini diadakan adalah bagi

meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepada pemilik kapal dan krew kapal penangkapan ikan terutama kapten kapal dan juruteknik kapal penangkapan ikan tempatan dari segi aspek langkah-langkah keselamatan di atas kapal semasa beroperasi menangkap ikan termasuk pemantauan ke atas peralatan dan sistem navigasi serta peralatan bilik jentera dan pemanduan kapal yang selamat dengan menyediakan latihan secara teori dan praktikal.

Selain daripada itu, pemilik kapal dan krew kapal penangkapan ikan yang menghadiri latihan tersebut juga akan dapat memperoleh sijil Latihan Asas Keselamatan tersebut bagi keselamatan dan kecekapan semasa beroperasi dan berada di atas kapal yang merupakan salah satu keperluan minima bagi kapal-kapal penangkapan ikan tempatan diberikan pengesahan layak belayar atau seaworthiness.

Di samping itu, kapal penangkapan ikan juga dikehendaki untuk dilengkapi dengan peralatan keselamatan yang sentiasa dalam keadaan baik dan boleh digunakan sebagaimana yang dinyatakan di dalam salah satu syarat lesen alat menangkap ikan menggunakan kapal.

Pada hari terakhir latihan tersebut, telah diadakan Majlis Penyampaian Sijil Latihan Asas Keselamatan kepada sejumlah 80 peserta yang telah berjaya mengikuti latihan berkenaan yang telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat selaku tetamu kehormat.



PARA peserta semasa menyertai Latihan Asas Keselamatan atau 'Basic Safety Training' (BST) yang diadakan di Jeti Kompleks Pendaratan Ikan, Muara.

Bersama membantu meningkatkan bekalan darah

■ Siaran Akhbar dan Infografik: Kementerian Kesihatan

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Isnin 23 Jun 2025 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Tingkat 1, Standard Chartered Bank, Cawangan Gadong
Selasa 24 Jun 2025 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Ibu Pejabat AIA Brunei, Tingkat 5, Pavo Point, Bandar Seri Begawan
Rabu 25 Jun 2025 9.00 pagi hingga 11.30 dan 1.00 petang hingga 3.30 petang	Mc Donald's Jerudong Anjuran Brunei Gas Carrier
Khamis 26 Jun 2025	Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (Consumer Fair 2025)

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen Derma Darah di beberapa buah tempat di negara ini.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.


Kempen-kempen tersebut akan diadakan pada Isnin, 23 Jun 2025, pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang di Tingkat 1, Standard Chartered Bank, Cawangan Gadong; Selasa, 24 Jun 2025, pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang di Ibu Pejabat AIA Brunei, Tingkat 5, Pavo Point, Bandar Seri Begawan; Rabu, 25 Jun 2025, pukul 9.00 hingga 11.30 pagi dan 1.00 hingga 3.30 petang di McDonald's Jerudong anjuran Brunei Gas Carriers Sdn. Bhd.; dan Khamis, 26 Jun 2025, pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, (Consumer Fair 2025) anjuran Imagine Sdn. Bhd.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula 8.00 hingga 11.30 pagi dan 1.30 hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi kempen derma darah adalah sangat digalakkan.

MEMAKMURKAN MASJID SECARA ISTIQAMAH

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Azmi Haji Awang Damit



SEBAHAGIAN daripada jemaah yang hadir di Program Masjidku Makmur, Negara Berkah yang telah berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Jun. - Mungkin ada dalam kalangan kita yang hadir ke masjid secara terpaksa, mungkin juga secara kebetulan dan sebagainya. Namun demikianlah hakikat rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, menunjukkan bahawa Allah menyayangi kita.

Di mana pun kita berada, sama ada di dalam masjid mahupun di luar masjid yang dapat mendengarkan tazkirah ini menerusi pembesar suara, semuanya dalam lingkungan kasih sayang-Nya.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Nasyith bin Haji Superi semasa menyampaikan Tazkirah Subuh yang bertajuk 'Kembali Kepada Allah' pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkah yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di sini.

Beliau seterusnya menjelaskan, Sembahyang Fardu Subuh yang kita dirikan sebentar tadi, apatah lagi jika dilakukan secara berjemaah di masjid, telahpun diberikan ganjaran pahala besar sebagaimana sabda Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

"Barang siapa yang menunaikan solat Isyak secara berjemaah, maka

seolah-olah dia telah menghidupkan separuh malam. Dan barang siapa yang menunaikan solat Subuh secara berjemaah, maka seolah-olah dia telah menghidupkan seluruh malam". (Hadith Riwayat Muslim dan At-Tarmizi)

Hadith ini diriwayatkan daripada Uthman bin Affan Radiallahu 'Anhu, menunjukkan kelebihan dan ganjaran besar kepada mereka yang istiqamah mendirikan solat Subuh berjemaah, lebih-lebih lagi di masjid, tambahnya.

Dalam Surah Al-Baqarah ayat 155 hingga 157, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

"Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. (Iaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka berkata: "Sesungguhnya kami milik Allah dan kepada-Nyalah kami kembali." Mereka itulah yang mendapat keberkatan yang sempurna dan rahmat dari Tuhan mereka, dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk". (Surah Al-Baqarah: 155-157)

Ayat berkenaan, jelas beliau, menunjukkan bahawa ujian yang menimpa manusia adalah

sebahagian daripada ketentuan Ilahi, dengan hikmah supaya kita kembali kepada-Nya.

Bersama ujian itu, Allah juga menyediakan jalan penyelesaian, ujarnya lagi.

Terdahulu, beliau menyebutkan bahawa kita mestilah menyerahkan semua urusan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana Allah itu Maha Mengetahui.

"Usaha tanpa adanya bantuan daripada Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan menjadi dan pasti ia akan menjadi sia-sia.

"Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mengajarkan kepada kita bahawa tawakal ini adalah amalan hati.

"Jadi kita mesti bijak dalam menyeimbangkan antara usaha dan tawakal. Tawakal amalan hati dan usaha adalah amalan fizikal kita, kedua-duanya mesti seimbang," jelasnya lagi.

Beliau menambah, dengan menyerahkan semuanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala, merupakan buah dari keimanan kerana bagi orang-orang yang beriman semestinya menyerahkan semua urusannya hanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebelum mengakhiri tazkirahnya, beliau menyeru kepada orang ramai untuk mula berjinak-jinak dengan masjid dan membiasakan diri menunaikan solat Subuh secara berjemaah, sekurang-kurangnya sekali seminggu, sebagai langkah permulaan ke arah membentuk istiqamah dalam kehidupan beragama.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkah antara lain bertujuan untuk mengajak orang ramai bersama-sama hadir bagi memakmurkan masjid secara istiqamah dalam menunaikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah di awal waktu kerana sembahyang secara berjemaah itu mempunyai kelebihan darjat berbanding sembahyang secara persendirian.

Program tersebut juga memberi peluang dan kemudahan kepada orang ramai dengan terlebih dahulu meraih keberkatan dengan hadir ke masjid untuk menunaikan tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid

selepas sembahyang, sebelum mereka memulakan langkah dengan keceriaan untuk aktiviti beriadah di hujung minggu.

Turut serta bagi memakmurkan masjid awal pagi tadi ialah pegawai-pegawai di bawah KHEU serta jemaah masjid.

Tingkatkan ilmu, kemahiran dalam bidang kulinari



PENOLONG Pengarah Pusat Pembangunan Belia (PPB) semasa menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta bengkel tersebut.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Awang Faidil Rosemady Mohamad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Jun. - Para peserta Bengkel Pembuatan Piza dan Donut diharap dapat mempertingkatkan ilmu dan kemahiran menerusi pengetahuan yang diajarkan oleh salah seorang tenaga pengajar di Pusat Pembangunan Belia (PPB).

Selain itu, peserta bengkel yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Biro Berserumpun Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mukim Mentiri serta ibu-ibu tunggal dan suri rumah dapat mempraktikkan dan juga memanfaatkan apa yang dipelajari dengan berniaga kuih-muih demi menajana ekonomi keluarga masing-masing.

Demikian antara saranan Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad yang juga selaku Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Kampung Panchor semasa bengkel diadakan di PPB, Kampung Tanah Jambu, di sini.

Seramai 21 peserta bengkel telah menerima sijil penyertaan yang disampaikan oleh Penolong Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Bengkel kali ini juga ditunjuk cara oleh salah seorang tenaga pengajar dari pusat berkenaan, iaitu Dayang Norhani binti Haji Syawal.

Adapun bengkel berkenaan merupakan kali kedua dikendalikan oleh Bahagian Biro Wanita, MPK Berserumpun Kawasan 4, RPN Kampung Panchor, Mukim Mentiri dan melahirkan penghargaan terima kasih kepada PPB atas kerjasama dan perkongsian ilmu yang diajarkan serta teruja untuk menyertai bengkel yang lain lagi pada masa akan datang nanti.

Objektif utama program berkenaan antaranya adalah untuk menarik minat dalam bidang kulinari serta menambah pendapatan bagi yang suka berniaga seperti jualan kuih-muih termasuk pembuatan roti, piza dan juga bidang masakan yang lain.

Mindtrex Academy terima pengiktirafan Shell LiveWIRE Brunei



SESI bergambar ramai di Majlis Penyerahan Pengiktirafan Pencapaian Mindtrex Academy sebagai Naib Johan dalam Kategori Inovasi Perniagaan bagi Pertandingan Global Shell Top Ten Innovators (TTI) 2025.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Shell LiveWIRE Brunei**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Shell LiveWire Brunei secara rasmi memberi pengiktirafan kepada Mindtrex Academy hari ini pada Majlis Penyerahan Pengiktirafan Pencapaian mereka sebagai Naib Johan dalam Kategori Inovasi Perniagaan bagi

Pertandingan Global Shell Top Ten Innovators (TTI) 2025.

"Memenangi Anugerah Shell TTI adalah detik yang bermakna untuk kami semua di Mindtrex Academy, dan untuk Brunei. Walaupun kita sebuah negara yang kecil, tetapi saya percaya kita mempunyai idea

yang besar dan hati yang lebih besar.

"Keseluruhan pengalaman ini telah mengingatkan saya mengapa kami memulakan Mindtrex sejak awal: ia adalah untuk memberi peluang bagi setiap kanak-kanak untuk belajar, berkembang dan maju, tidak mengira latar belakang mereka. Dan

pengiktirafan ini sebagai pembakar semangat kami untuk terus maju," jelas Dayangku Nur Su'aidah binti Pengiran Haji Metussin dari Mindtrex Academy.

Kemuncak acara pagi itu ialah penyampaian sijil rasmi, anugerah, dan replika cek berjumlah AS\$10,000 kepada Mindtrex Academy oleh Naib Presiden dan Pengerusi Shell Country Negara Brunei Darussalam, Henry Bristol.

Mindtrex Academy, platform ed-tech pertama Brunei, telah dipilih daripada lebih 100 usahawan di 13 negara. Platform ini menggunakan modul gamified, interaktif dan cerapan dipacu data untuk membantu pelajar khususnya daripada komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan untuk membina asas yang kukuh dalam literasi dan numerasi.

Anugerah Inovasi Perniagaan mengiktiraf syarikat startup yang menggunakan pendekatan inovatif untuk menyelesaikan cabaran industri, perniagaan atau cabaran dalam masyarakat. Pendekatan pendidikan inklusif dan dipacu teknologi Mindtrex menunjukkan visi ini.

Anugerah Shell TTI ialah pertandingan global yang meraihan usahawan Shell LiveWIRE Brunei yang sedang menghasilkan

penyelesaian bagi memupuk inovasi perniagaan, kelestarian alam sekitar dan impak sosial. Dengan pemenang yang merangkumi empat benua, program ini merupakan bukti peranan keusahawanan dalam memacu perubahan inklusif dan berkekal.

Pencapaian ini juga menandakan kejayaan penting bagi Brunei Shell Petroleum (BSP), yang memberi sokongan dan kepercayaan berterusan terhadap Shell LiveWIRE Brunei telah memacu perkembangan usahawan Brunei yang berkualiti. Pengiktirafan global Mindtrex Academy mencerminkan kekuatan dan potensi ekosistem inovasi Brunei yang semakin meningkat dan menjadi bukti bahawa dengan sokongan yang betul, idea tempatan boleh memberi impak global.

Perjalanan Mindtrex Academy mencerminkan cetusan idea yang menjadi impak yang bermakna di peringkat tempatan dan global. Shell LiveWIRE Brunei, peneraju pelaburan sosial Brunei Shell Petroleum, kekal komited untuk memperkasakan usahawan daripada cetusan awal ke arah legasi yang kekal, menyemarakkan idea yang memberi inspirasi, meningkatkan dan membentuk masa depan inovasi Brunei.

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005

Saman Gantian
Dalam Mahkamah Tinggi Syariah
Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam

Saman No.:
BM / MTS / MAL-A / P012B / 0187
/ 03-2025

Kes Induk:
BM / MTS / MAL-D / P001B / 0186
/ 03-2025

Antara

Haji A.Sapar Bin Haji A Judin –
Pemohon I
Hanisah Safiah Binti Yamat @
Piah Binti Yamat – Pemohon II

Dan

Rosidah Binti Aman –
Responden

**Tuntutan : Permohonan
Pengangkatan Kanak-Kanak**

Kepada : Rosidah Binti Aman,
No. Kad Pengenalan : 00-289949
(Kuning) Beralamat :- No.5,
Simpang: 342-46-5, STKRJ
Kampong Perumahan Tungku,
Mukim Gadong A, BE2119, Negara
Brunei Darussalam

Kamu adalah dengan ini disaman
supaya hadir secara sendiri atau
melalui Peguam Syarie kamu
di hadapan Mahkamah Tinggi
Syariah Daerah Brunei dan Muara
pada Rabu, 9 Julai 2025M pada
jam 9.30 Pagi untuk menjawab
tuntutan terhadap kamu oleh
pemohon yang dinamakan di atas,
bagi Permohonan Pengangkatan
Kanak-Kanak bernama
Muhammad Syazani Hafiy Bin
Suhardi.

Sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingkar hadir di Mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengarkan
dan memutuskan kes tanpa
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa
jika kamu ingin membela diri
terhadap tuntutan tersebut,
kamu hendaklah memfailkan di
Mahkamah ini dan menyampaikan
kepada Pemohon suatu pembelaan
dalam Borang yang ditetapkan
sebelum tarikh yang disebut di atas
atau hadir di Mahkamah pada tarikh
itu.

Bertarikh :
22 Zulkaedah 1446H / 20 Mei
2025M

Meterai
Mahkamah Tinggi Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam

**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut Harga:
(56) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)

Tajuk:

Jemputan Bagi Pakej
Persembahan Pentarama
Sempena Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Yang Ke-79,
Tahun 2025

Bilangan Sebut Harga:
(57) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)

Tajuk:

Jemputan Bagi Persembahan
Drama Untuk Program Pentarama
Sempena Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Yang Ke-79,
Tahun 2025

Bilangan Sebut Harga:
(58) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)

Tajuk:

Jemputan Bagi Persembahan
Lawak Jenaka Untuk Program
Pentarama Sempena Hari
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Yang
Ke-79, Tahun 2025

Bilangan Sebut Harga:
(59) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)

Tajuk:

Jemputan Pakej Perkhidmatan
Bagi Pembesar Suara (PA System)
Dan Pencahayaan (Lighting) Untuk
Program Pentarama Sempena Hari
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Yang
Ke-79, Tahun 2025

Yuran:
BND5.00
(Lima Ringgit Sahaja)

Tarikh Tutup:
Khamis,
26 Jun 2025.
Jam 8.00 Pagi.

**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SETIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Keterangan Projek:

Supply, Delivery And Install Of
Smart TV And Accessories For
Jabatan Bandaran Kuala Belait
Dan Setia, Jalan Mckerron,
Kuala Belait.

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Bilangan Tawaran:
07 / BBS / SH /
2025-2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
8 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

**BIRO MENCEGAH RASUAH**

Bilangan Tawaran
BMR / SH / 08 / 2024 / 2025

Tajuk Tawaran

Supply, Deliver And Install Brand
New Submersible Sewage Water
Pump And Rehabilitate Control
Panel, Anti Corruption Bureau
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran
BMR / SH / 09 / 2024 / 2025

Tajuk Tawaran

Renovation Works On The 4th
Floor Balcony Tiles, External And
Internal Walls (Unit Rekod & Arkib)
Block 'A' Anti Corruption Bureau,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
1 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
(11-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Tawaran:
Pembekalan Barangan Keperluan
Asasi Bagi Keperluan Bencana
Daerah Tutong Untuk Tempoh 18
Bulan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
1 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Dibukakan Kepada Pemborong
- Pemborong Yang Berdaftar
Dalam

Kelas:
IV & V

Kategori :
Terbuka

**Tarikh akhir mengambil
Dokumen Tawaran pada:**
Sabtu, 5 Julai 2025

Tarikh Tutup:
Selasa,
8 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

Bil. Tawaran:
KHEDN / LTK / 2025-05

Tajuk Projek:
Request For Quotation (RFQ)
For Proposed Supply, Installation
And Maintenance Of Outdoor Led
Screen At Taman Haji Sir Muda
Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri
Begawan, Brunei Darussalam

Bilangan Projek:
KHEDN / BPE / 2105 / 02

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
12 / JUN / 2025 / KKBS / PJK /
16.105

Tajuk Sebut Harga:
Twenty-Four (24) Months Term
Maintenance For CCTV System
At Program Khidmat Bakti Negara
Training Camp,
Batu Apoi, Temburong,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
10 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

**JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Tawaran :
Provision Of Consultancy Services
To Support Solar Development In
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 8 Julai 2025.
2.00 Petang.

Maklumat lanjut mengenai Skop
Tawaran, Kriteria Kelayakan dan
Yuran boleh didapati melalui laman
sesawang rasmi Jabatan: [https://
www.energy.gov.bn](https://www.energy.gov.bn)

Tarikh tutup tawaran adalah pada
Selasa, 8 Julai 2025, 2.00 Petang.

Tatacara Pendaftaran
Para penender yang berminat
hendaklah mendaftar dengan
menghantar e-mel kepada Unit
Tenaga Yang Boleh Diperbaharui,
di bawah Bahagian Peralihan
Tenaga, Jabatan Tenaga iaitu
[renewable.energy@energy.gov.
bn](mailto:renewable.energy@energy.gov.bn) dengan tajuk e-mel: **Provision
Of Consultancy Services To
Support Solar Development In
Brunei Darussalam**





**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Tawaran:
JPH / 2109 / TAW / 397 / 2025-
2026

**Provision Of Crocodile
Capturing, Relocating And
Disposal Services For Brunei
Darussalam**

Isnin – Khamis
8.30 Pagi – 11.30 Pagi
1.30 Petang – 2.30 Petang

Sabtu
8.30 Pagi – 10.00 Pagi

Borang Pendaftaran Syarikat
(jika belum berdaftar):
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Borang Tawaran:
BND15.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 8 Julai 2025.



**Jabatan Perkhidmatan
Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri**

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JPP / 1 / 3 / 16 / 2 / 25-26
Pembuatan Piala Bagi Anugerah
Inovasi Perdana Sempena
Sambutan Hari Perkhidmatan
Awam Ke-32, Tahun 2025

Yuran Sebut Harga (E-dokumen):
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
25 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



Tawaran:
JPH / 2113 / TAW / 398 / 2025-
2026

**Event Management Services For
Ekspo Sumber-Sumber Utama
Dan Pelancongan 2025**

Isnin – Khamis
8.30 Pagi – 11.30 Pagi
1.30 Petang – 2.30 Petang

Sabtu
8.30 Pagi – 10.00 Pagi

Borang Pendaftaran Syarikat
(jika belum berdaftar):
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Borang Tawaran:
BND15.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 8 Julai 2025.



**Rujukan Bilangan Dan Tajuk
Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2024 / GSU /
TA / 003
Purchase of Specialist Dog
Equipment for Gurkha Security
Unit

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah **seminggu**
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 1 Julai 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
8 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
V & VI

Kategori:
S01

Tarikh Buka Tawaran pada:
23 Jun 2025
(Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
8 Julai 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
22 Julai 2025. (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 Petang.

(Ditutup di **Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat
Bawah Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas, Bandar
Seri Begawan BB3510, Negara
Brunei Darussalam**)

JASTRE / BKP / T013 / 2025
Pembersihan Sungai Brunei Bagi
Tempoh Lima (5) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BKP / T013 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND500.00
(Non Refundable)



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 28 / 25 - 26
Supply and Delivery of Wireless
Intercom System for Outside
Broadcast

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 33 / 25 - 26
The Provision of Leasing All-In-
One A3 Printers (Printer, Scanner
and Copier) Inclusive of Toners
with Comprehensive Maintenance
and Support Services for Radio
Television Brunei for A Period of



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(B) / 2025
- 2026

Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi
Zon 'B'

1. Sekolah Ugama Madewa
2. Sekolah Ugama Pg Muda Abd
Malik, Bengkurong
3. Sekolah Ugama Pg Anak Puteri
Majeedah Nuurul Bolkiah, Kilanas
4. Sekolah Ugama Lumapas
5. Sekolah Ugama Putat
6. Sekolah Ugama Kasat

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(C) /
2025 - 2026
Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon
'C'

1. Sekolah Ugama PAP Amal Umi
Kalthum Al Islam, Mulaut
2. Sekolah Ugama Jerudong
3. Sekolah Ugama Katimahar
4. Sekolah Ugama Masin
5. Sekolah Ugama Panchor Murai

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(F) / 2025
- 2026

Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi
Zon 'F'

1. Sekolah Ugama Pelambayan
2. Sekolah Ugama Sungai Besar
3. Sekolah Ugama Batu Marang
4. Sekolah Ugama PAP 'Azemah
Ni'matul Bolkiah, Mentiri
5. Sekolah Ugama PM 'Abdul
'Azim, Serasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
20 Muharam 1447H / 16 Julai
2025M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Eight (8) Months

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 34 / 25 - 26
Supply and Delivery of Headset,
Audio Splitter and its Accessories

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 37 / 25 - 26
Perkhidmatan Penggambaran,
Penyuntingan Dan Grafik Bagi
Rancangan Drama TV, Bahagian
Rancangan TV, RTB

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 38 / 25 - 26
Pembekalan, Pembuatan,
Pemasangan Set Latar Belakang
Untuk Rancangan Khas , Radio
Televisyen Brunei

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 022 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of Electro-
Hydraulic Servo Valve For Lumut
Power Station.

Tarikh Tutup:
22 Julai 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jalan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Syarikat Pembekal Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan.

Kategori:
P05

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan-penerangan
yang lanjut bolehlah diperoleh di
Kaunter Unit Tawaran dan Sebut
Harga, Tingkat Empat (4), Jabatan
Perkhidmatan Elektrik, Jabatan
Perdana Menteri.



BND5.00 (jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
25 Jun 2025.





**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

1. Bilangan Tawaran:
(32) JBS/ADM/QC/2025

Keterangan:

Menyediakan Dan Menghantar Trofi Penerima Anugerah Belia (Acrylic 3D Award Trophies) Bagi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, 2025

2. Bilangan Tawaran:
(33) JBS/ADM/QC/2025

Keterangan:

Menyediakan Lagu Dan Music Video (Video Utama) Bagi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20,

3. Bilangan Tawaran:
(34) JBS/ADM/QC/2025

Keterangan:

Menyediakan Dan Menghantar Percetakan Kad Masuk Bagi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, 2025

4. Bilangan Tawaran:
(35) JBS/ADM/QC/2025

Keterangan:

Menyediakan, Mencetak Dan Menghantar Buku Yaasin, Tahlil Dan Doa-Doa Pilihan Bagi Majlis Doa Kesyukuran Bagi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, 2025

5. Bilangan Tawaran:
(36) JBS/ADM/QC/2025

Keterangan:

Penambahan Stok Simpanan Unit Pusat Stor, Jabatan Belia Dan Sukan Toner Catridge Printer Brother L2460 Dan Ink Printer Brother MFC-J2740DW

6. Bilangan Tawaran:
(37) JBS/ADM/QC/2025

Keterangan:

Penambahan Stok Simpanan Bagi Alat Tulis, Jabatan Belia Dan Sukan

7. Bilangan Tawaran:
(38) JBS/ADM/QC/2025

Keterangan:

To Investigate and Rectification Blockage Discharge Waste Water at Toilet and Surau Concourse Area, Hassanal Bolkiah National Stadium

8. Bilangan Tawaran:
(39) JBS/ADM/QC/2025

Keterangan:

Supply, Delivery, Install, Commissioning and On-Site, User Training and Warranty of Technical Specification For Musculoskeletal Ultrasound Machine For Doctor Clinic, SMRC

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
26 Jun 2025.



**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Rujukan Tawaran:
KP(MC)SUT / 6.12 / ASET / 01 / 2025

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pembersihan Dalam Dan Luar Bangunan Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi Jalan Menteri Besar Bagi Tempoh 1 Tahun

Tarikh Tutup:
Rabu,
25 Jun 2025.

Dan dihantar kepada:-

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Tingkat Bawah, Peti Sebut Harga
Jalan Menteri Besar BB3910
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Tawaran:
JPKK / JKSH2526-QTN.01 / ADM

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Pelbagai
Barang Cetak Bagi Jabatan
Perbendaharaan, Kementerian
Kewangan dan Ekonomi

Tarikh Tutup / Jam:
5 Julai 2025 - Sabtu
(9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut Harga, Jabatan
Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
dan Ekonomi
Commonwealth Drive, Jalan
Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam



Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Penyewaan Dan
Penyelenggaraan Landskap
Di Dalam Bangunan
Bagi Tempoh 2 Tahun,
Kementerian Pengangkutan Dan
Infokomunikasi,
Negara Brunei Darussalam

Rujukan Tawaran:
KP(MC) SUT / 6.12 / ASSET / 02 / 2025

Tarikh Tutup:
Rabu,
25 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Dibukakan Kepada Kontraktor
Kelas IV & V Dan Kategori B01**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KHEU / BDP / LTK / 001 / 2025
Three (3) Years Term Contract for
Comprehensive Maintenance of
Religious Schools in
Tutong District and Belait District,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
KHEU / BDP / LTK / 002 / 2025
Three (3) Years Term Contract for
Comprehensive Maintenance of
Religious Schools in Zone IV
Within Brunei Muara District and
Temburong District,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
KHEU / BDP / LTK / 003 / 2025
Three (3) Years Term Contract for
Comprehensive Maintenance of
Religious Schools in Zone I And
Zone IIA Within Brunei Muara
District, Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KHEU / BDP / LTK / 004 / 2025
Three (3) Years Term Contract for
Comprehensive Maintenance of
Religious Schools in Zone I And
Zone IIB Within Brunei Muara
District, Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KHEU / BDP / LTK / 005 / 2025
Three (3) Years Term Contract for
Comprehensive Maintenance of
Ma'had Islam Brunei, Daerah
Tutong & Sekolah Arab Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KHEU / BDP / LTK / 006 / 2025
Three (3) Years Term Contract
for Comprehensive Maintenance



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas:
III Atau IV Atau V

Kategori:
E01

Tarikh Tutup:
8 Julai 2025. (Selasa)

Bilangan Projek :
JKR / DME / BOP-EM / 21 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi Dan
Kerja-Kerja Pemeliharaan Elektrikal
Bagi Bangunan-Bangunan
Kerajaan Di Jalan Menteri Besar
(Zon 'B'), Berakas, Lambak, Muara
Dan Kediaman VVIP (Zon 'E'),
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)



of Sekolah Tinggi Arab Hassanal
Bolkiah (STA HB) and Sekolah
Arab Raja Isteri Pengiran Anak
Damit (SA RIPAD),
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KHEU / BDP / LTK / 007 / 2025
Three (3) Years Term Contract for
Comprehensive Maintenance of
Sekolah Arab Sultan Haji
Hassanal Bolkiah, Kg Rimba,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KHEU / BDP / LTK / 008 / 2025
Three (3) Years Term Contract for
Comprehensive Maintenance of
Sekolah Ugama (Arab) Menengah
Perempuan Raja Isteri Pengiran
Anak Hajah Saleha, Kg Katok,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
8 Julai 2025.
2.00 Petang.



**JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Sebut Harga Bagi:
Repair Morita Turntable Ladder
BG7020
(RUJ: JBP/TSH/11/2025-2026)

Tarikh Tutup/Jam:
Khamis,
31 Julai 2025.
(1.50 Petang)

Yuran Tawaran:
BND5.00



**JABATAN UKUR
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JUA 01 / 2025
Permohonan Penyimpanan Tanah
Kerajaan Untuk Tapak Tambahan
Terakan Udang Laut, Di Kampung
Keramat, Mukim Telisai, Daerah
Tutong, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JUA 02 / 2024
Permohonan Penyimpanan
Tanah Kerajaan Untuk Tapak
Projek Pertanian Bagi Lot
82001, Kampung Wasan, Mukim
Pangkalan Batu

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JUA 03 / 2024
Permohonan Penyimpanan
Tanah Kerajaan Untuk
Tapak Projek Pertanian
Bagi Kampung Junjongan,
Mukim Pangkalan Batu

Yuran Tawaran:
BND100.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
8 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.





Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET /
01 / 2025-2026

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Deliver And Install
Workstations At Ministry Of
Primary Resources And Tourism

Tarikh Tutup Sebut Harga:
26 Jun 2025,
Khamis,
Jam 2.00 Petang.

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



**Makluman Pemberitahuan
Tawaran**

Bilangan Tawaran:
MFA/ICC/01/2025-26

Tajuk Tawaran:
Carpet Replacement Works
At Plenary Hall, International
Convention Centre, Berakas,
Ministry Of Foreign Affairs, Brunei
Darussalam

Bayaran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 8 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



**Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Membekal, Membuka Dan
Mengganti
Baharu Pendingin Hawa Di
Bangunan Utama Jabatan
Bandaran Kuala Belait Dan
Seria,
Jalan Mckerron Kuala Belait
15 / BBS / SH / BKA /
2025-2026
(Kelas I dan II Kategori M01)**

**Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Membaiki Kerosakan Tandas
Dan Lampu Elektrik
Pada Sinta Yang Rosak Serta
Pendawaian Pada Bangunan
Bumiputera Setia,
Jalan Lorong Bunga Melor Setia.
17 / BBS / SH / BKA /
2025-2026
(Kelas I dan II Kategori M01)**

**Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Membaiki Kerosakan Pada
Pondok-Pondok Taman Jubli
Perak Kuala Belait, Jalan
Maulana Kuala Belait
16 / BBS / SH / BKA /
2025-2026
(Kelas I dan II Kategori B01)**

**Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Membaiki Kerosakan Serta
Mengecat Bangunan
Pada Pejabat Pengurusan Letak
Kereta Jabatan Bandaran Kuala
Belait Dan Setia Cawangan
Seria,
Jalan Lorong Bolkiah Setia
18 / BBS / SH / BKA / 2025-2026
(Kelas I dan II Kategori KA01)**

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa,
1 Julai 2025.

Waktu Kaunter Pembayaran
Isnin – Khamis
8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
1.30 Petang – 3.00 Petang

Sabtu
8.00 Pagi – 10.00 Pagi

Tutup pada Jumaat, Ahad dan
Hari-Hari
Kelepasan Awam



Bilangan Tawaran:
KK / 135 / 2025 / JPKAS

Keterangan:
Replacement Of Existing DX-AHU
C/W Air Cooled Condensing Units
And Associated Components At
Pejabat Kesihatan, Kuala Belait

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of Health
and Ministry of Development

Kelas:
II and Above

Kategori:
M01 and E01

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 136 / 2025 / ESTETRIPASH

Keterangan:
The Supply, Install, Testing,
Commissioning And
Comprehensive Maintenance Of
A Nurse Call System At Women
And Children Centre, Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha Hospital

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of Health
and Ministry of Development

Kelas :
III and / or Above

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 137 / 2025 / ESTETRIPASH
(TC)

Keterangan:
Term Contract For Comprehensive
Maintenance Of Vacuum Pump
And Associated Accessories At
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
Hospital For A Period Of Three
(3) Years

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of Health
and Ministry of Development

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 138 / 2025 / HTD

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Pediatric Multiparameter Monitor
Complete With Central Monitoring
System For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan Tawaran:
KK / 139 / 2025 / HTD

Keterangan:
Provision Of Ultrasound Systems
For Radiology Department,
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan Tawaran:
KK / 140 / 2025 / SSBH(TC)

Keterangan:
Three (3) Years Term Contract For
Comprehensive Maintenance And
Repair Of Generator Set At Suri
Seri Begawan Hospital,
Kuala Belait



Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of Health
and Ministry of Development

Kelas:
II and Above

Kategori :
M03, E01, E02, E03 and KPME03
[Kontraktor Yang Pakar Dalam
Menyediakan Perkhidmatan
Penyelenggaraan]

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 141 / 2025 / SSBH(TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Of
Consumables Items For Podiatry
Unit, Suri Seri Begawan (SSB)
Hospital, Ministry Of Health For A
Period Of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 145 / 2025 / DSS

Keterangan:
To Supply, Deliver, Install And
Commissioning Two (2) Units Of
Alternate Light Source Forensic
Imaging Device For
Forensic Biology Laboratory,
Department Of Scientific Services,
Ministry of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Tarikh Tutup:
24 Jun 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
PPN / ASSET / BUUMM /
CONTRACT / 2025 / 6 / 1

Tajuk Tawaran :
Term Contract (12) Months For
Cleaning And Housekeeping Works
Of The Law And Court Building,
Attorney General's Chambers,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha, Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa 24 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :
E-MEL :
iklan.pb@information.gov.bn
BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



IMBASAN MINGGUAN

SUASANA gembira saat kepulangan jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi penerbangan ketiga selamat mendarat menggunakan Pesawat Diraja Brunei (RB) BI4226.
- Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

ANTARA aksi pada Kejohanan Persekutuan Karate Asia Tenggara (SEAKF) Ke-12 yang berlangsung selama tiga hari di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

SEMANGAT patriotik 'Bendera Negara' yang ditunjukkan oleh para penuntut Tahun 9 dan Tahun 10 dari Ma'had Islam Brunei semestinya harus tersemat di dalam hati dan sanubari setiap pelajar. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

PARA pelajar dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang menyertai Program Youth Alive bertempat di Dewan Serbaguna, sekolah berkenaan. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

LAFAZ Persetiaan Pengakap Tunas semasa Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas di Negara Brunei Darussalam dan Perasmian Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

SEKITAR suasana di Ladang Pertanian Hua Ho, Kampung Masin dan Mori Farm di Kampung Sinaut, Daerah Tutong. - Foto: Mohammad Hasif Matzin.

Muka 2

PELITA BRUNEI Hari Rabu 16 Jun, 1965.

86 BUAH SEKOLAH MELAYU DI-SELUROH NEGARA MENYAMBUT "MINGGU PELAJARAN"

SA-BANYAK 86 buah Sekolah Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah mengadakan sambutan "Minggu Pelajaran" bagi tahun 1965 yang di-langsungkan sa-entak pada 13 Jun dan akan berakhir pada 17 Jun (esok).

Pembukaan rasmi sambutan itu di-sekolah2 tersebut telah di-lakukan oleh Pegawai2 Daerah, Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri dan daerah, penghulu2 dan ketua2 kampung serta orang2 kenamaan di-tempat masing2.

Tujuan utama Jabatan Pelajaran Negara mengadakan sambutan itu ia-lah kerana memberi peluang kepada ibu bapa dan

penjaga2 murid untuk menyaksikan hasil2 kerja anak2 mereka di-sepanjang hari persekolahan.

Antara sekolah2 yang mendapat sambutan yang mengagumkan dari ibu bapa, penjaga2 murid dan orang ramai ialah Sekolah2 MELAYU S.M.J.A. RIF, Laila Menchanai, Sungai Kebun dan Pintu Malim, kesemua-nya di-Bandar Brunei.

Di-Daerah Belait ia-lah Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin dan Mohammad Alam, sementara di-Tutong dan Temburong ia-lah Sekolah2 Melayu Muda Hashim dan Sultan Hassan, Bangar.

Berbagai2 peraduan dan pelajaran yang di-ajarkan di-sekolah2 tersebut telah di-adakan, termasuk pertukangan tangan dan sulam menyulam.

Di-Sekolah2 Melayu S.M.J.A. dan R.I.F. ibu bapa dan penjaga2 murid telah di-beri peluang yang ke-emasan untuk mengemukakan kemuskilan mereka mengenai masalah persekolahan anak2 mereka di-sepanjang hari persekolahan.

Guru2 yang bertugas telah memberi penerangan2 yang berguna untuk mengatasi kemuskilan2 itu dan ibu bapa itu telah di-nasihatkan supaya bekerjasama dengan guru2, kerana masa anak2 mereka lebeh banyak di-rumah dari di-sekolah.

Sa-tengah penjaga dan ibu bapa murid2 telah mengemukakan pertanyaan yang meminta jalan kepada guru2 itu untuk melaksanakan tugas penjaga2 dan ibu bapa dalam memberi perangsang kepada anak2 mereka sa-waktu berada di-rumah supaya lebeh menhincintai pelajaran dari hiburan.

Banyak jalan2 yang berfaedah telah di-berikan oleh guru2 yang bertugas dalam sambutan Minggu Pelajaran itu dan antara jalan2 yang di-tunjokkan itu ia-lah ibu bapa atau penjaga murid sa-mesti-nya-lah melateh anak2 mereka supaya rajin membacha atau mentela'ah pelajaran mereka sa-waktu mereka berada di-rumah. Ibu bapa atau penjaga murid hendak-lah menjaga anak2 mereka supaya tidak terganggu dari mengulang kaji pelajaran itu.

Menjawab pertanyaan dari salah sa-orang penjaga murid, sa-orang guru yang bertugas di-sambutan itu di-S.M.J.A. telah menegaskan, ada di-antara ibu bapa atau penjaga murid suka mengganggu anak2 mereka sa-waktu anak2 itu mengulang kaji pelajaran di-rumah.

Gangguan itu ia-lah ketika ibu bapa atau penjaga murid hendakkan sa-suatu, maka anak itu akan di-suruh keluar untuk menunaikan hajat tersebut dengan tidak menghiraukan sa-

waktu anak2 mereka mengulang kaji pelajaran di-rumah.

Bukan hanya sa-perkara itu sahaja yang menyebabkan murid2 lalai dari pelajaran mereka, tetapi banyak perkara lagi yang harus di-timbang terima oleh ibu bapa dan penjaga2 murid.

Sesuai dengan tujuan mengadakan Minggu Pelajaran itu, berbagai2 hasil kerja murid2 di-sapanjang hari persekolahan telah di-pamerkan dan bagitu juga dengan mata2 pelajaran yang di-ajarkan telah di-tunjukkan oleh guru2 yang bertugas kepada pelawat2 yang terdiri dari ibu bapa, penjaga2 dan saudara mara murid2.

Yang menarik perhatian ia-lah per-tunjukkan chara2 mengajar yang mengikut peraturan2 lama dan chara2 penyampaian pelajaran mengikut aliran zaman modern ini.

Di-Sekolah Melayu Laila Menchanai pula, sesuai dengan letak-nya di-Kampung Ayer dengan murid2-nya dari anak2 dari penduduk2 di-sekitar Kampung Ayer telah di-penoh-sesaki oleh ibu bapa, penjaga2 dan sanak saudara murid2 di-sekolah itu.

Keadaan di-sekolah itu, sama-lah juga di-sekolah2 yang lain dalam negeri ini yang di-penohi dengan hingar-bangar kegembiraan dari ibu bapa dan penjaga2 serta saudara mara murid2 di-sekolah tersebut.

Ibu bapa dan penjaga2 murid yang mengadakan kunjungan2 ka-sekolah2 baik yang letak-nya di-Daerah Brunei/Muara Temburong, Belait dan Tutong ada-lah sentiasa membayangkan kegembiraan mereka kerana dapat menyaksikan sendiri hasil kerja anak2 mereka di-sekolah.

Minggu Pelajaran ada-lah merupakan hari yang istimewa bagi ibu bapa dan penjaga2 murid dan hari yang teragong bagi sa-tiap murid. Istimewa bagi ibu bapa dan penjaga2 murid kerana dapat peluang dan penghormatan dari Pejabat Pelajaran untuk mereka menyaksikan hasil usaha dari penat lelah anak2 mereka di-sapanjang hari persekolahan sambil mengemukakan kemuskilan2 mereka kepada guru2 yang bertugas.

Teragong bagi sa-tiap murid, kerana peluang bagi mereka menunjokkan kebolehan masing2 dan memamerkan hasil-karya mereka kepada orang ramai baik dari segi seni lukis, seni ukir dan berbagai2 lapangan lagi yang berkaitan dengan pelajaran2 yang mereka terima di-sekolah.

Di-sapanjang minggu pelajaran itu di-adakan sa-hingga hari ini, kira2 20,000 orang ibu bapa dan penjaga2 murid di-seluruh sekolah2 Melayu sa-Negeri Brunei telah keluar untuk menyaksikan sambutan minggu pelajaran di-sekolah masing2.

Kelas Dewasa Membenteras Buta Huruf

BANDAR BRUNEI. — Untuk perhatian semua guru2 yang mengajar di-kelas2 Dewasa Membenteras Buta Huruf, mulai dari 2 Jun, 1965, kelas tersebut hendak-lah di-namakan KELAS DEWASA PELAJARAN RENDAH yang pada dasar-nya membenteras buta huruf, di-samping memberikan pelajaran2 yang ber-sesuaian.

Segala peratoran2 yang di-jalankan pada masa ini yang mengenai dengan kelas ini hendak-lah di-teruskan dengan mengubah atau menambah perkara2 berikut:

- I. Perkataan Tingkatan I dan II akan menjadi Peringkat2 Permulaan, Menengah dan Tertinggi, yang bererti pelajar2 kelas ini akan belajar selama tiga tahun (Tiap2 satu peringkat akan belajar selama sa-tahun).
- II. Tulisan Rumi akan di-ajarkan dari Peringkat Permulaan hingga sa-terus-nya. Dalam Peringkat Menengah akan di-mulakan mengajar Tulisan Jawi — Pelajaran2 yang di-ajarkan dalam semua peringkat ia-lah Bahasa Melayu dan Kira2 (Lihat Sukatan Pelajaran yang baharu — Kelas Dewasa Pelajaran Rendah).

III. Sukatan Pelajaran sa-belum ini (Sukatan Pelajaran Kelas Dewasa Membenteras Buta Huruf) ada-lah di-batalkan.

IV. Tiap2 akhir tahun akan di-adakan peperiksaan bagi semua peringkat. Pelajar2 yang lulus dalam peringkat2 Permulaan dan Tertinggi akan di-beri Sijil, ia-itu Sijil Peringkat Permulaan ia-lah pengakuan kebolehan membacha dan menulis dan Sijil Peringkat Tertinggi, pengakuan pelajaran yang di-pelajari-nya sa-tarap dengan Darjah VI (Primary VI).

V. Tiap2 Kelas akan di-tetapkan bilangan-nya — Bilangan ini hendak-lah di-tulis di-Kulit Buku Rengkan Mengajar, Jadual Kedatangan dan sabelah atas borang tuntutan elau men-gajar yang di-buat pada tiap2 awal bulan Masehi.



Satu pemandangan sambutan Minggu Pelajaran di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong, pada 13 Jun, 1965. Dalam gambar ini kelihatan ahli2 Pasukan Palang Merah Sekolah Melayu Muda Hashim merawat "sa-orang saki" pada masa di-adakan temasha tersebut.

Menghadhiri Kursus Lanjutan Bahasa Melayu

BERAKAS. — Enam orang Guru2 Melayu di-Negeri Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada petang 9 Jun untuk menghadiri Kursus Lanjutan Bahasa Melayu di-University Malaya selama satu tahun.

Mereka ia-lah Chegu Masri bin Dato Haji Yusof, Guru Besar Sekolah Melayu Sengkurong; Chegu Abdullah bin Ali Hashim, Penolong Guru Besar Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait; Chegu Hamdan bin Mohamed Said, Penolong Pemsharah Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Chegu Juned bin Mustafa, Guru Penolong Sekolah Melayu S.M.J.A.; Chegu Mohamed Noor Chucho, Guru Penolong Sekolah Melayu S.M.J.A. dan Chegu Tengah bin Abdul Latif, Guru Penolong Sekolah Melayu S.M.J.A.



Terus kekalkan mutu layanan pelanggan, kualiti produk

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ihsan Mohammad Erfan Abdullah, Syukri Awang

KEBOLEHAN membancuh kopi bukan sekadar tahu 'tuang air ke atas serbuk kopi' tetapi ia melibatkan seni, sains, dan sentuhan peribadi. Dengan latihan, sesiapa sahaja boleh mahir membancuh kopi yang hebat.

Mempunyai kemahiran membancuh kopi adalah penting jika kita mahukan kopi yang berkualiti dan konsisten, terutamanya dalam bidang perniagaan khususnya bidang makanan dan minuman (F&B) atau profesion sebagai seorang barista.

Latar belakang

Ruangan Belia Berwawasan kali ini memaparkan belia berumur 22 tahun, Awang Mohammad Erfan bin Abdullah, pemilik Outgrounds dari Daerah Tutong. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Design & Creative Industries dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), minat Awang Mohammad Erfan dalam bidang F&B telah bermula sejak tahun 2020.

Pengalaman

Beliau memulakan pengalaman dalam industri ini semasa mula bekerja di ChaTraMue dan kemudian di Tampd Coffee. Sepanjang tempoh tersebut menurutnya, banyak asas-asas perniagaan telah dipelajari dan dalam masa yang sama juga telah mengumpul modal untuk menjalankan perniagaan sendiri.

"Pada tahun lalu, saya mula mencuba konsep *pop-up* melalui acara Sahur Sengkarai, dan seterusnya membuka perniagaan saya sendiri iaitu Outgrounds pada pertengahan

Februari tahun ini. Walaupun latar belakang saya lebih kepada kopi, Outgrounds kini memberi fokus utama kepada minuman berasaskan Matcha, bagi menawarkan kelainan dalam pasaran tempatan," jelasnya lagi.

Minat

Menurut Awang Mohammad Erfan, beliau memang mempunyai minat yang mendalam dalam bidang kopi. Selama lebih lima tahun, beliau terus menimba ilmu dan pengalaman dalam bidang ini, termasuk bekerja di belakang tabir industri kopi seperti sebagai *roaster* di Relative Coffee.

"Saya sentiasa mengikuti perkembangan dunia kopi dan berinteraksi secara aktif dengan komuniti barista di Brunei. Walaupun Outgrounds kini berfokuskan Matcha, minat saya dalam dunia kopi tetap kukuh dan banyak mempengaruhi kualiti serta pendekatan dalam penyediaan produk kami," ujarinya lagi.

Sokongan, dorongan

Menyentuh mengenai individu-individu yang paling banyak memberi sokongan dan dorongan pula katanya, mereka antaranya ialah ibu bapa dan rakan-rakan sekerja di Tampd Coffee. Idea untuk membuka perniagaan sendiri tambahannya, datang daripada diri sendiri, kerana perasaan semangat untuk memberi layanan terbaik kepada pelanggan serta menjana pendapatan secara berdikari. Inspirasi dan konsep perniagaan Outgrounds banyak diperolehi daripada pengalaman ketika melawat dan mengkaji pelbagai kafe semasa berada di Jakarta sepanjang program Discovery Year, serta semasa lawatan ke Tokyo, Jepun.

"Saya melihat bagaimana mereka menekankan elemen reka bentuk, suasana, dan penekanan terhadap minuman khas seperti Matcha, dan saya ingin membawa pendekatan itu ke Brunei dengan cara tersendiri," terangnya lagi.

Pembimbing, kriteria

"Pembimbing utama saya ialah Hazwan Hassan, pemilik Tampd Coffee. Beliau banyak membantu saya dari segi nasihat serta panduan dalam menguruskan perniagaan. Selain itu, komuniti kopi dan F&B di Brunei juga tidak lokek berkongsi ilmu, dan ini banyak membantu dalam perkembangan diri serta perniagaan saya," jelasnya.

Menyentuh mengenai kriteria pula, Awang Mohammad Erfan menjelaskan, antara kriteria penting dalam membuka perniagaan F&B ialah sentiasa bersikap terbuka untuk belajar dan menerima pandangan; fahami dan kaji pasaran yang ingin diceburi; dan mempunyai strategi penjenamaan (*branding*) dan pemasaran yang kukuh.

Selain itu katanya, elakkan sikap FOMO (*fear of missing out*) - bukan kerana orang lain boleh buka kafe, maka kita juga perlu ikut serta tanpa persediaan; mulakan dari kecil dan berkembang secara berperingkat; dan fokus sepenuhnya terhadap perniagaan yang dijalankan.

Penyertaan pertandingan di peringkat antarabangsa

Dalam pada itu, Awang Mohammad Erfan turut mengongsikan, beliau pernah mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam pertandingan peringkat antarabangsa dua tahun lalu, semasa mengikuti Discovery Year di BINUS Jakarta. Jelasnya, beliau telah dihantar untuk menyertai pertandingan kopi

di Universitas Pelita Harapan. Beberapa bulan kemudian, beliau turut serta dalam ASEAN Barista Team Championship (ABTC) 2023 di Manila, Filipina, dan merupakan antara wakil dari NBD yang menyertai ABTC buat kali pertama. Pengalaman ini ujarinya, sangat bermakna dan telah banyak mengukuhkan minat serta kemahiran beliau dalam dunia kopi.

Perancangan

Menyentuh mengenai perancangan di masa akan datang, beliau ingin terus mengekalkan mutu layanan pelanggan dan kualiti produk yang tinggi. Walaupun Outgrounds memfokuskan kepada Matcha, beliau tetap mengaplikasikan disiplin dan ketelitian dari dunia kopi dalam penyediaan produk.

Awang Mohammad Erfan juga bercita-cita untuk terus menimba ilmu, berkongsi pengalaman serta membimbing generasi muda yang ingin menceburi bidang ini. Pada masa yang sama, beliau berharap untuk mengembangkan perniagaan Outgrounds dan terus mencipta pengalaman yang bermakna bagi pelanggan di NBD.

Nasihat, saranan

"Nasihat saya kepada anak muda yang berminat menceburi bidang ini: pelajarilah terlebih dahulu selok-belok industri, fahami pasaran, dan kenal pasti cabaran sebenar. Jangan terburu-buru, dan elakkan membuat keputusan hanya kerana trend.

"Kenali kekuatan diri dan pastikan awda benar-benar bersedia sebelum memulakan. Saya ucapkan semoga berjaya kepada semua belia yang bercita-cita untuk membuka perniagaan sendiri - teruskan usaha dan jangan mudah berputus asa," jelasnya lagi.

2 SYARIKAT, 4 INDIVIDU DIKENAKAN KOMPAUN



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara



ANTARA kesalahan yang didapati di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30) semasa Operasi Bersih bersama penguat kuasa dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) di kawasan Kampung Tagap, Jalan Selayun, Mukim Sengkurong (atas, atas kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) telah mengeluarkan kompaun ke atas dua buah syarikat dan empat individu kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan - kesalahan Rampaian (Penggagal 30) semasa Operasi Bersih bersama penguat kuasa dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) di kawasan Kampung Tagap, Jalan Selayun, Mukim Sengkurong, baru-baru ini.

Syarikat-syarikat yang telah dikenakan denda kompaun tersebut ialah Syarikat Lyt Enterprise dan Syarikat Haji Mahmud, masing-masing dikenakan kompaun sebanyak BND2,000 atas kesalahan Bab 12 (1) (d). Manakala individu-individu warganegara Indonesia iaitu Nyoman Adi, Darman, Moh Samit dan Suparni masing-masing dikenakan denda BND500 atas kesalahan Bab 12 (1)

(a). Syarikat-syarikat dan individu-individu tersebut diarahkan untuk menjelaskan denda kompaun dalam masa tujuh hari. Jika gagal, kes akan dibawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30) iaitu jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND9,000 bagi individu manakala bagi syarikat tidak melebihi BND30,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali. Pihak JDBM juga ingin memohon

kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang-undang

dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan WhatsApp +673 8321581.

Operasi Waspada dapati beberapa kesalahan di bawah Akta Pekerjaan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



OPERASI Waspada 117/2025 yang telah dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh di Kampung Tagap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 117/2025 di Kampung Tagap pada 16 Jun 2025, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan. Pemeriksaan ke atas rumah tempat tinggal pekerja telah mendapati sebanyak enam kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 63, gagal memberikan cuti rehat, Bab 64, bekerja pada hari

rehat, Bab 71, gagal memberikan cuti tahunan berbayar kepada pekerja-pekerja, Bab 80, gagal menyediakan tempat tinggal pekerja buruh dan pengurusan kebersihan persekitaran serta dua kesalahan di bawah Bab 112(2) Kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan iaitu pekerja berjawatan buruh binaan melakukan pekerjaan menjaga ternakan kambing, ayam dan itik dan kegiatan yang dijalankan tidak selaras dengan kegiatan yang dibenarkan iaitu kegiatan pembinaan menjalankan kegiatan menternak binatang ternakan untuk dibekalkan kepada orang ramai.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan

pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti majikan hendaklah memberikan cuti rehat sehari dalam seminggu, memberikan cuti hari tahunan berbayar, menyediakan tempat tinggal pekerja yang bersih, pekerja-pekerja hendaklah melakukan pekerjaan selaras dengan jawatan yang dibenarkan

dan kegiatan hendaklah dijalankan selaras dengan kegiatan yang dibenarkan oleh Jabatan Buruh.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh di talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



PEMERIKSAAN ke atas rumah tempat tinggal pekerja yang telah dilaksanakan pada operasi berkenaan.



DAKOTA UTARA ISYTIHAR DARURAT SELEPAS 3 MAUT DALAM PUTING

LOS ANGELES, 22 Jun. - Gabenor Dakota Utara Kelly Armstrong mengisytiharkan darurat di seluruh negeri itu pada Sabtu selepas tiga orang terbunuh dalam puting beliung yang melanda wilayah Upper Midwest Amerika Syarikat (AS), lapor Xinhua.

Syerif Cass County, Jesse Jahner mengesahkan pada sidang media bahawa dua lelaki dan seorang wanita terbunuh pada Jumaat

malam di dua lokasi berasingan di bandar Enderlin.

Pada kira-kira 11.40 malam waktu tempatan Jumaat (0740 GMT Sabtu), Pejabat Syerif Cass County telah dihantar ke kawasan luar bandar Enderlin berikutan laporan kerosakan puting beliung di sebuah kediaman.

Sebaik tiba di lokasi, Jabatan Bomba Enderlin memaklumkan bahawa pengejar ribut telah menemukan dua mayat akibat puting beliung itu, menurut

Pejabat Syerif dalam catatan di Facebook.

"Sejurus selepas mengetahui perkara ini, Jabatan Bomba Enderlin telah dihantar ke lokasi lain dan menemukan mayat ketiga akibat puting beliung berkenaan," menurut kenyataan itu, sambil menambah anggota syerif mendapati kerosakan teruk di kawasan itu dan mula menjalankan pemeriksaan

kebaikan terhadap orang ramai bersama beberapa agensi lain."

Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan AS di Bismarck, Dakota Utara dalam catatan di Facebook pada Sabtu berkata beberapa ribut petir kuat melanda kawasan itu semalam hingga ke malam.

"Kami turut berdukacita atas pemergian tiga penduduk Dakota

Utara yang terkorban dalam kejadian puting beliung Jumaat lalu serta komuniti Enderlin yang terjejas teruk," kata Gabenor Armstrong dalam catatan di X.

Gabenor itu berkata beliau telah mengarahkan agensi negeri memberikan bantuan dalam usaha tindak balas serta pemulihan yang diperlukan. - ©BERNAMA

HarmonyOS tarik lebih 8 juta pembangun dalam usaha China bangunkan sistem pengendalian tempatan

SHENZHEN, 22 Jun. - Ekosistem HarmonyOS yang dibangunkan sendiri oleh China sedang berkembang pesat, dengan lebih 8 juta pembangun kini terlibat, kata gergasi teknologi China, Huawei, pada hari Jumaat semasa Persidangan Pembangunan Huawei yang diadakan di Dongguan, Wilayah Guangdong, selatan China.

Menurut data Huawei, lebih 30,000 aplikasi dan perkhidmatan meta HarmonyOS sedang dibangunkan atau menerima kemas kini, merangkumi hampir 20 sektor termasuk urusan kerajaan, penjagaan kesihatan dan aplikasi industri. Lebih daripada 100 platform produktiviti arus perdana, seperti DingTalk dan Feishu, telah disesuaikan untuk HarmonyOS, berkhidmat kepada kira-kira 38 juta perusahaan.

Pada 25 September 2023, aplikasi HarmonyOS telah dilancarkan sepenuhnya, menandakan permulaan pembangunan ekosistem sendiri bagi sistem pengendalian tersebut.

Di persidangan itu, Huawei memperkenalkan versi beta pembangun bagi sistem pengendalian generasi baharunya, HarmonyOS 6. Selain itu, syarikat itu turut melancarkan Rangka Kerja Ejen Harmony (Harmony Agent Framework, HMAF) untuk ekosistem HarmonyOS, yang dijangka mewujudkan ekosistem AI yang inovatif dengan keupayaan membuat keputusan autonomi dan kerjasama kolektif.

HarmonyOS, atau dikenali sebagai Hongmeng dalam bahasa Cina, ialah sistem pengendalian sumber terbuka yang direka untuk pelbagai peranti dan senario. Ia mula diperkenalkan pada tahun 2019 dan sejak itu telah digunakan pada telefon pintar, tablet, peranti boleh pakai, peralatan rumah pintar, dan kenderaan tenaga baharu. - ©XINHUA

Warga emas rugi lebih RM700,000 diperdaya pelaburan tidak wujud

GEORGE TOWN, 21 Jun. - Seorang pesara kilang kerugian RM733,000 selepas diperdaya sindiket pelaburan dalam talian pada Mac lepas.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Hamzah Ahmad berkata kejadian bermula apabila mangsa lelaki berusia 66 tahun itu menerima pesanan ringkas berkaitan pelaburan daripada seorang wanita.

"Lelaki itu dijanjikan pulangan keuntungan 10 hingga 15 peratus bagi setiap modal dilaburkan dalam tempoh 20 minit.

"Suspek mengarahkan mangsa mendaftar sebagai ahli menerusi satu aplikasi untuk mula melabur," katanya dalam kenyataan hari ini.

Hamzah berkata mangsa yang tertarik dengan tawaran berkenaan telah membuat 25 transaksi pemindahan wang ke tiga akaun bank berbeza pada 7 Mac hingga 24 April sebelum menyedari telah ditipu kerana perlu membuat bayaran tambahan bagi mengeluarkan keuntungan.

Berikutan itu, mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Barat Daya pada Rabu lepas dan Hamzah berkata siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu. - ©BERNAMA

Ketua PBB sangat bimbang dengan serangan AS ke atas Iran

WASHINGTON, 22 Jun. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres pada Sabtu menyuarakan kebimbangan selepas Amerika Syarikat (AS) melancarkan serangan ke atas Iran, sambil memberi amaran mengenai risiko peningkatan konflik berbahaya di rantau itu, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Saya amat bimbang terhadap penggunaan kekerasan oleh Amerika Syarikat terhadap Iran hari ini. Ini adalah peningkatan

konflik yang berbahaya di rantau yang sudah pun berada di ambang krisis - dan satu ancaman langsung kepada keamanan serta keselamatan antarabangsa," tulis Guterres di X.

Beliau membuat kenyataan itu selepas Presiden AS, Donald Trump mengumumkan bahawa pasukan tentera Amerika telah melaksanakan serangan udara yang sangat berjaya ke atas tiga tapak nuklear Iran di tengah-tengah kebimbangan terhadap teretusnya konflik yang lebih meluas di rantau itu.

Guterres menyeru negara anggota supaya meredakan ketegangan

dan mematuhi kewajipan mereka di bawah Piagam PBB dan peraturan undang-undang antarabangsa lain.

"Terdapat risiko yang semakin meningkat bahawa konflik ini boleh menjadi tidak terkawal dengan cepat, dengan akibat yang membawa bencana kepada orang awam, rantau ini dan dunia," kata Guterres.

"Satu-satunya harapan adalah keamanan," tambahnya sambil menegaskan bahawa tiada penyelesaian ketenteraan dan satu-satunya jalan ke hadapan ialah melalui diplomasi. - ©BERNAMA

Ketua Pelarian PBB melihat harapan 'rapuh' di Syria apabila 2 juta pelarian pulang

DAMSYIK, 21 Jun. - Ketua Pelarian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Filippo Grandi, berkata pada hari Jumaat bahawa situasi di Syria adalah 'rapuh namun penuh harapan' apabila semakin ramai penduduk yang dipindahkan kembali ke tempat asal mereka.

Berucap dalam satu sidang akhbar di Damsyik sempena Hari Pelarian Sedunia semasa lawatannya yang kedua ke Syria tahun ini, Grandi berkata kira-kira 2 juta rakyat Syria telah pulang sejak Disember 2024, termasuk pelarian dan mereka yang dipindahkan dalam negara.

Grandi memberitahu Xinhua bahawa sekitar 1.4 hingga 1.5

juta orang yang dipindahkan dalam negara telah kembali ke rumah mereka, manakala kira-kira 600,000 telah pulang dari negara jiran, termasuk Lubnan, Jordan dan Turkiye. "Dua juta masih merupakan sebahagian kecil daripada jumlah keseluruhan, tetapi ia tetap signifikan."

Grandi berkata Sudan kini telah mengatasi Syria sebagai krisis pemindahan terbesar di dunia, dengan 14 juta orang dipindahkan - 10 juta secara dalaman dan 4 juta di luar negara.

"Ia satu persaingan yang menyedihkan," katanya. "Tetapi penurunan Syria daripada kedudukan teratas menandakan satu peluang untuk menamatkan

krisis ini."

Walaupun terdapat keputungan, Grandi memberi amaran tentang keadaan hidup yang sukar dan menggesa sokongan antarabangsa yang lebih besar.

"Infrastruktur, rumah, tenaga, elektrik, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan semuanya perlu dibina semula bagi memastikan keputungan ini berterusan," katanya. "Saya merayu kepada masyarakat antarabangsa agar membantu Syria menghadapi cabaran ini."

Beliau berkata perkhidmatan asas, keselamatan dan dana pembinaan semula amat diperlukan dengan segera. - ©XINHUA

17 terbunuh dalam insiden keganasan di Chad

YAOUNDE (Chad), 21 Jun. - Sekurang-kurangnya 17 orang terbunuh dalam insiden keganasan yang teretus di Chad pada petang Khamis, menurut pihak berkuasa tempatan dan laporan media pada Jumaat.

Keganasan berlaku di perkampungan Orogmel, yang terletak di wilayah Mayo-Kebbi Barat di barat daya negara itu, lapor agensi berita Xinhua.

Laporan media tempatan

menyatakan bahawa kebanyakan mangsa yang terkorban terdiri daripada wanita dan kanak-kanak, manakala 16 lagi cedera dalam insiden itu.

Pada Jumaat, perwakilan kerajaan ke wilayah Mayo-Kebbi Barat, Abdelmanane Khatab mengumumkan beberapa langkah bagi menangani isu keselamatan di wilayah itu selepas mengadakan lawatan ke lokasi kejadian.

Kejadian berdarah itu berlaku hanya beberapa jam selepas Presiden Mahamat Idriss Deby Itno mengadakan mesyuarat tergempar mengenai keselamatan susulan beberapa insiden keganasan di negara Afrika Tengah itu.

Sejak Mei lalu, lebih 50 kematian dilaporkan di Chad akibat keganasan antara komuniti, menurut laporan media tempatan. - ©BERNAMA

Penutupan Selat Hormuz jejas ekonomi dunia

ATHENS, 21 Jun. - Penutupan Selat Hormuz, yang dibimbangi bakal berlaku sekiranya ketegangan bersenjata antara Iran dan Israel terus memuncak akan memberi kesan besar kepada ekonomi global, menurut Menteri Perkapalan Greece, Vassilis Kikilias pada Jumaat.

Beliau menegaskan bahawa sebarang tindakan Iran untuk menutup laluan laut itu akan membawa implikasi ekonomi yang serius di peringkat antarabangsa, lapor Anadolu Ajansi.

"Jika Selat Hormuz ditutup - ia

merupakan senario paling buruk - kesannya bukan sahaja terhadap sektor perkapalan tetapi seluruh ekonomi dunia," katanya dalam wawancara bersama stesen televisyen SKAI TV.

Kikilias menjelaskan bahawa hampir 90 peratus perdagangan global bergantung kepada laluan maritim, dan sebarang usaha mengalihkan kapal mengelilingi Afrika untuk ke destinasi utama di Eropah dan Amerika Syarikat akan mengganggu rantai bekalan dunia secara ketara.

Menyifatkan landskap geopolitik

semasa sebagai "sangat tidak menentu", beliau turut memaklumkan bahawa harga minyak telah meningkat antara tujuh hingga 10 peratus dalam beberapa hari kebelakangan ini akibat ketegangan bersenjata antara Iran dan Israel.

Ketegangan teretus pada Jumaat lalu selepas Israel melancarkan serangan udara ke atas beberapa lokasi di Iran, termasuk kemudahan tentera dan nuklear, yang kemudian dibalas oleh serangan peluru berpandu dari Tehran. - ©BERNAMA

MEMPERKEMBANGKAN SUKAN ANGKAT BERAT DI NBD

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Persatuan Angkat Berat Kebangsaan Brunei Darussalam menganjurkan Kejohanan Angkat Berat Kebangsaan Brunei 2025 selama dua hari bermula hari ini dan berakhir esok, 22 Jun 2025 bertempat di Dewan Sekolah Sukan, Kampung

SEBANYAK enam Kategori Wanita dan tujuh Kategori Lelaki dipertandingkan pada Kejohanan Angkat Berat Kebangsaan Brunei 2025 selama dua hari bermula hari ini dan berakhir esok, 22 Jun 2025 bertempat di Dewan Sekolah Sukan, Kampung

Pulaie.

Sebanyak enam Kategori Wanita dan tujuh Kategori Lelaki dipertandingkan pada kejohanan tersebut yang melibatkan seramai 32 jumlah peserta daripada lebih 10 buah pasukan yang bertanding iaitu terdiri daripada kelab-kelab persendirian dan juga Sekolah Sukan.

Penyampaian pingat Kejohanan Angkat Berat Kebangsaan Brunei disampaikan oleh Pengetua Sukan, Sekolah Sukan, Alex bin Bandang; Timbalan Pengetua Pentadbiran dan Akademik Sekolah Sukan, Dayang Norjalina binti Haji Jaafar; Guru Kanan Sukan, Awang Aminuddin bin Jumat; Timbalan Presiden Persatuan Angkat Berat Kebangsaan Brunei Darussalam, Awang Muhd. Hadi Dinie bin Haji Abd. Rahman; Lembaga Ahli Eksekutif International Weightlifting

Federation, Dr. Sirilak Thatman dan Presiden Angkat Berat Singapura, Tom Liaw.

Antara matlamat pertandingan berkenaan diadakan adalah untuk menarik minat ahli-ahli peminat sukan angkat berat di NBD dan juga sebagai pendedahan suasana kejohanan serta juga untuk memperkembangkan lagi sukan angkat berat ini.

Kejohanan ini juga bagi penilaian untuk para peserta kursus yang mengikut kursus Teknikal Sukan Angkat Berat yang lalu. Ia juga untuk persiapan mencari atlet-atlet yang berpotensi untuk mewakili negara di kejohanan dan pertandingan di serantau dan antarabangsa.

Selain itu, ia juga memberikan peluang kepada atlet-atlet untuk bersaing secara sihat dan mengeratkan silaturahim di antara pasukan-pasukan yang dijemput.

Kasuka FC lebur hasrat Supastrikas

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Pasukan Kasuka FC berjaya meleburkan hasrat tinggi pasukan Supastrikas pada perlawanan aksi penuh dramatik Liga Bola Sepak Jemputan Piala Lela Cheteria yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong.

Sekalipun berjaya dengan kemenangan 4-3, kejayaan itu sudah cukup bermakna buat skuad bimbingan Mohd. Azli Md. Jaya yang kini berjaya menduduki puncak liga dengan kutipan 11 mata.

Namun begitu, Kasuka FC dikejutkan dengan jaringan seawal minit ke-12 apabila penyerang lincah Supastrikas, Muhd. Hakeme Yazid Said bijak melarikan bola secara solo ke dalam kotak penalti sebelum melepaskan rembatan kencang menewaskan penjaga gol lawan.

Pasukan Supastrikas yang ketika ini berada di tangga tercorot

liga, bagaimanapun mempamerkan aksi bertenaga dengan melakukan serangan - serangan pantas dengan percaturan menarik yang disuntik menerusi bekas penyerang kebangsaan, Muhd. Hakeme Yazid. Kasuka FC tidak mengambil masa lama untuk menyamakan kedudukan apabila Muhd. Arshyad Taquiuddin Abd. Rahim Hanafiah berjaya menyempurnakan umpanan lintang pada minit ke-14, menjadikan kedudukan 1-1.

Aksi terus rancak apabila Muhd. Hakeme sekali lagi meledakkan gol menarik pada minit ke-29 untuk meletakkan Supastrikas di depan 2-1.

Namun, kelebihan skuad itu tidak bertahan lama selepas Mohd. Faaiz Zulkeflee menyamakan kedudukan 2-2 pada minit ke-40.

Pertemuan kedua pasukan semakin menarik di babak kedua yang menyaksikan Harith Hidawi

berjaya menyumbat gol ketiga buat Supastrikas pada minit ke-54 hasil rembatan deras yang gagal ditangkap kemas penjaga gol lawan.

Kegembiraan penyokong Supastrikas tidak lama, apabila Mohd. Syafie Arsyad Haji Sharifulbahrin menyamakan kedudukan 3-3.

Penyerang tinggi lampai dari Iran, Mohd. Reza Rahmania Hassan, muncul sebagai wira Kasuka FC apabila menjaringkan gol kemenangan pada minit ke-69 untuk melengkapkan kemenangan mutlak 4-3.

"Sekalipun gagal menundukkan pasukan Kasuka FC, saya gembira dengan prestasi pasukan Supastrikas yang berjaya memberikan persaingan sengit kepada pasukan lawan. Rentak permainan juga semakin kemas dan saya yakin pasukan kami akan berjaya meningkat dan



AKSI para pemain pada perlawanan berkenaan di antara pasukan Kasuka FC dengan pasukan Supastrikas.

berupaya mencipta kemenangan pada perlawanan seterusnya," jelas Pengurus pasukan Supastrikas, Shahrul Azlan Haji

Md. Zain yang tetap berpuas hati dengan persembahan anak buahnya walaupun tewas.

PLBMB anjur Sukan Irau Tupeh Padey

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Lun Bawang Murut Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Pasukan Zon 1 (Leku) muncul johan bagi Kategori Veteran semasa perlawanan Sukan Irau Tupeh Padey 2025 anjuran Persatuan Lun Bawang Murut Brunei (PLBMB) yang berlangsung di Dewan Serbaguna (MPH), Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Sementara naib johan disandang oleh Zon 5 (BANE) dan Zon 2 (Bau Tulang) berada tempat ketiga.

Bagi Kategori Terbuka pula, johan disandang oleh Zon 1 (AUL) manakala naib johan ialah Zon 3 (Raung) dan tempat ketiga bersama dimenangi oleh Zon 4B (Bau Let Buda) dan Zon 4C (Beta Birar).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan acara kejohanan tersebut ialah Yang Dipertua PLBMB, Leftenan Kolonel (B) Tamim bin

Tuah.

Adapun tujuan diadakan acara ini adalah untuk memperlihatkan semangat kesukanan, perpaduan dan persahabatan antara Puak Murut dalam menyerlahkan setiap aktiviti dan pertandingan.

Selain itu juga, untuk menunjukkan bakat dan kehebatan fizikal dan memberi peluang untuk memperkukuhkan nilai-nilai murni seperti kerjasama, disiplin dan hormat-menghormati.

Sepanjang 2025 Sukan Irau Tupeh Padey akan meneruskan kejohanan sukan seperti bola jaring, sukan sumpit, bola tampar, badminton, bola sepak, olahraga dan tarik kalat serta kejohanan baharu iaitu Tenpin Boling dan acara renang. Ini diharapkan skil dan bakat kesukanan akan meningkat pada tahun ini.



YANG Dipertua Persatuan Lun Bawang Murut Brunei (PLBMB) , Leftenan Kolonel (B) Tamim bin Tuah semasa sesi bergambar ramai bersama para pemenang pada perlawanan Sukan Irau Tupeh Padey 2025.



ePaper Pelita Brunei



MASJID AZ-ZAKIREEN, KAMPUNG MERAGANG JUARA PERTANDINGAN MEMANAH



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) hadir selaku tetamu kehormat Pertandingan Memanah dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan berkenaan (kiri sekali). Manakala gambar kiri, antara peserta yang menyertai pertandingan tersebut.

manakala Masjid Kampung Sungai Buloh pula menduduki naib juara dengan kutipan mata 969, sementara tempat ketiga dimenangi oleh Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop dengan kutipan 744 mata.

Antara tujuan utama pertandingan berkenaan diadakan adalah untuk melatih emosi dan fokus dalam menetapkan sasaran melalui aktiviti memanah selain menguji mental dan mengajar erti ketenangan serta kesabaran.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

MERAGANG, Ahad, 22 Jun. - Seramai 50 peserta dari Zon 3 menyertai Pertandingan Memanah

yang diadakan di kawasan letak kereta Masjid Az-Zakireen, Kampung Meragang, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan

Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Dalam pertandingan berkenaan, Masjid Az-Zakireen muncul juara dengan kutipan mata 1,198,

Remaja 13 tahun harumkan nama negara menerusi Jiu Jitsu

AWANG Ahmad Faris Al-Bahzi bin Haji Ahmad Farhan berjaya membawa pulang pingat emas yang diraihnya dalam acara Kid 5 (2012 hingga 2013) Light (50.3 kilogram - kg) Yellow Belt di Asia Sport Jiu Jitsu Federation (ASJJF) 2025 Korea International Jiu Jitsu Championship Seoul Open (kanan). Manakala gambar kanan sekali, Awang Ahmad Faris ketika menewaskan lawannya dengan triangle choke.



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Jun. - Meskipun baru berusia 13 tahun, Awang Ahmad Faris Al-Bahzi bin Haji Ahmad Farhan kini sudah melakar kejayaannya di peringkat antarabangsa menerusi penyertaannya dalam acara sukan bela diri, Jiu Jitsu baru-baru ini.

Asia Sport Jiu Jitsu Federation (ASJJF) 2025 Korea International Jiu Jitsu Championship Seoul Open yang berlangsung di Seoul, Republik Korea berkenaan menyaksikan peserta remaja negara kita berjaya membawa pulang pingat emas yang diraihnya dalam acara Kid 5 (2012 hingga 2013) Light (50.3 kilogram - kg) Yellow Belt.

Awang Ahmad Faris Al-Bahzi yang mesra digelar Faris berjaya

menewaskan peserta dari Republik Korea pada pusingan akhir, iaitu semua perlawanan ditamatkan dengan submission di bawah satu minit, manakala armbar ketika semi-final, sementara armbar dan triangle choke pula di pusingan akhir.

Sebelum hari perlawanan berkenaan, beberapa persiapan telah dilaksanakan seperti membuat latihan, iaitu enam hari dalam seminggu selain persediaan mental dan sokongan moral bagi menghadapi hari pertandingan berkenaan.

Pada hari pertandingan

tersebut, persiapan berjalan lancar meskipun beliau merasa sedikit gementar akan tetapi semangat juang, keterujaan dan sokongan daripada kedua-dua ibu bapanya menguatkan semangatnya untuk beraksi sehingga menumpaskan pihak lawan.

Sebelumnya, beliau juga aktif menyertai pertandingan seumpamanya sejak dari tahun 2022 menerusi pertandingan di Australia bahkan beliau turut memenangi tempat kedua dalam perlawanan di Jepun pada Mac lalu.

Setentunya, beliau begitu

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Haji Ahmad Farhan Haji Rusnan Arizal

gembira atas kejayaan yang dicapai dan berikutan pingat emas yang diraihnya berkenaan menaikkan lagi semangatnya dan hasrat untuk menyertai pertandingan Jiu Jitsu di luar negara pada masa akan datang.

Justeru, kejayaan berkenaan juga membuatkan ibu bapa Faris merasa bangga dan juga bersyukur atas hasil usaha yang gigih membuahkan kejayaan dan akan terus menyokong anak lelaki mereka itu ke peringkat

antarabangsa.

Perancangan pada masa akan datang antaranya untuk memperluaskan lagi pengalaman Faris dalam mengikuti beberapa pertandingan bertaraf antarabangsa pada masa akan datang nanti.

Apa yang diharapkan semoga usaha Faris beriring dengan kejayaan demi menempa nama di peringkat yang lebih tinggi sekali gus mengharumkan nama negara di arena antarabangsa.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KESABARAN ADALAH KEKUATAN YANG SERING TIDAK KELIHATAN